

بريتا  
BERITA

# PKINK



PENGGERAK  
PEMBANGUNAN  
UMMAH

• PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN • [www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)



4

Kerajaan Negeri dan PKINK  
Anjur Seminar dan Forum  
Perniagaan Antarabangsa



5

Tabung Serambi Mekah:  
Kumpulan PKINK  
Sumbang RM284 ribu



7

Program Mahabbah Menteri  
Besar Kelantan Bersama  
Masyarakat Orang Asal



9

Kepimpinan Dalam Islam



12

Kemakmuran Serantau  
Melalui Perdagangan dan  
Pelaburan

MS 3-4

Tingkatkan Kecekapan Sistem  
Pengurusan dan Sistem Operasi

# Berterasaskan Prinsip UMI

- Langkah Kumpulan PKINK 2011





## SIDANG EDITOR

### PENAUNG

Hj. Mohd Sabri b. Abdullah  
*Ketua Eksekutif*

### KETUA EDITOR

Hj. Mohd Adilan b. Mat Jusoh  
*Pengurus Pengurusan Sumber Manusia*

### TIMBALAN KETUA EDITOR

Mohd Roslan b. Mohd Zain  
*Penolong Pengurus Pengurusan Sumber Manusia*

### WARTAWAN/JURUGAMBAR

Tengku Petra Tengku Wook  
Tuan Hissam Tuan Mamat  
A.Ubaidillah Alias  
Ramli Hamzah  
Hawa M.Salleh

### PENGEDARAN

Sofia Aizan bt Che Soh

### PENERBITAN

Unit Perhubungan Korporat  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Perbadanan Kemajuan Iktisad  
Negeri Kelantan  
Tingkat 8-11, Bangunan PKINK  
Jalan Tengku Maharani,  
15710 Kota Bharu,  
Kelantan  
Tel: 09-7414141  
Fax: 09-7414069

### PERCETAKAN

Dian Darulnaim Sdn. Bhd.



## *Selembat Amanat*

*Dari meja Ketua Editor*


Alhamdulillah, sekali lagi kita bersua di ruangan yang ringkas bagi berkongsi informasi terkini PKINK. Ekspo Cheng Ho 2010 yang berlangsung pada 21hb sehingga 26 november adalah cetusan bernas YB Dato Haji Husam bin Musa selaku Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan Dan Kebajikan negeri Kelantan. Suatu kerjasama besar antara negeri Kelantan dengan usahawan dari negara Cina yang juga merupakan sebuah negara lokomotif perdagangan dunia masakini. PKINK turut diberikan amanah untuk mengetuai unit sukarelawan dan unit forum perniagaan antarabangsa sepanjang ekspo berlangsung.

Nama-nama syarikat seperti New Hope Group, Hua Long Group, Dantong Group antara syarikat gergasi negara China termasuk lebih 200 syarikat kecil dan sederhana negara terbabit yang mengambil bahagian pada Ekspo Cheng Ho dan Fiesta Perdagangan Antarabangsa Kelantan-China. Pengerusi Jawatankuasa Perancangan Ekonomi, Kewangan dan Kebajikan Negeri, Dato Husam Musa, berkata walaupun Kelantan hanya sebuah negeri yang kecil dan terpinggir kerana halangan tertentu, namun usahawan gergasi China sanggup datang ke Kota Bharu.

China kini muncul sebagai kuasa ekonomi yang terus berkembang di samping mempunyai khazanah peradaban lama, lubuk budaya dan kuasa pasaran ekonomi dunia yang besar. Imam, pemimpin Islam, pemimpin kerajaan, ahli budaya, pakar perubatan, pensyarah, penulis, wartawan, pengkaji, penghibur dan ahli masakan tiba untuk menjayakan rasa muhibbah Kelantan China. Kejayaan itu juga telah memecahkan fahaman golongan tertentu selama ini yang berpandangan negatif terhadap bangsa terbabit, khususnya dari benua lain. Pameran ekspo serta mengikuti persembahan istimewa dari Khairat Aziz, Adili dan persembahan kebudayaan dari Khazastan termasuk Shao Lin. Program yang bermula 21 November lepas di Kota Bharu telah berjaya merapatkan hubungan bangsa China muslim dan Melayu muslim khususnya, kerana Islam adalah agama suci sedunia.

Meskipun pertemuan itu begitu singkat, tetapi ia membawa seribu makna. Ia memberi banyak input kepada Kelantan dan beberapa wilayah Cina yang hadir pada expo berkenaan. Bukan itu saja, ekspo bertemakan perdagangan dan kemakmuran itu membuka ruang dan minda baru kepada lebih 20 buah negara peserta, Cina, Taiwan, Kazakhstan, Uzbekistan, Pakistan, Thailand, Indonesia, New Zealand, Australia dan lain-lain. Ini bermakna manfaat bukan saja diperolehi pihak penganjur, malah negara-negara Islam lain juga khasnya yang pernah dijejaki oleh Cheng Ho mendapat manfaat yang sama.

Ekspo berkenaan bukan saja mendedahkan betapa hebatnya masyarakat Cina dalam dunia perdagangan dan pelayaran, tetapi sekaligus menunjukkan hubungan diplomatik berlandaskan misi dakwah, komersial, budaya dan agama (Islam) antara Kelantan dengan China yang sudah berlangsung lama sebelum ini. Paling menariknya ia berjaya menghimbau hubungan yang berlangsung lebih enam abad lalu. Dan paling bererti apabila diketahui bahawa Kelantan adalah persinggahan Cheng Ho pertama dalam pelayaran perdagangan dan misi dakwahnya, pada abad ke 14.

Pihak penganjur harus menerima hakikat kelemahan mereka, apa lagi ekspo bertaraf dunia sebegitu apa lagi pertama kali dianjurkan oleh Kelantan. Kekurangan pengalaman tentu menimbulkan beberapa kelemahan. Pun begitu kejayaan yang dicapai itu membuktikan akan kemampuan Kelantan yang selalu berbangga dengan tag linanya "Kelantan menerajui perubahan". Apa yang penting ekspo berkenaan belum pernah dianjurkan oleh kerajaan Malaysia, jadi apabila kerajaan Kelantan dapat mengadakannya ia merupakan satu kejayaan dan sejarah. 

Sekian, terima kasih.

**HJ MOHD ADILAN BIN MAT JUSOH**

*Pengurus Pengurusan Sumber Manusia  
PKINK*





## UCAPAN KETUA EKSEKUTIF SEMPENA TAHUN BARU 2011

# Tingkatkan Kecekapan Sistem Pengurusan dan Pengukuhan Sistem Operasi Berteraskan Prinsip Ubudiyah, Mas'uliyah dan Itqan (UMI) Antara Langkah Kumpulan PKINK 2011

Terima kasih kepada tuan pengerusi majlis, yang dihormati Timbalan Ketua Eksekutif, Hj. Zainal, dan saudara saudari yang dihormati sekalian. Allhamdulillah bersyukur kehadiran ilahi kerana dengan izinNya dapat kita bertemu kembali. Tanpa sokongan yang padu kejayaan tidak dapat digapai dan hendaklah sentiasa bekerjasama dalam mencapai kemajuan dalam sesebuah organisasi. Kita janganlah menjadi "passenger" atau pengkritik, mari sama-sama mara ke hadapan memimpin dan mencorak serta bersama-sama menunaikan tanggungjawab sebagai pekerja dengan sebaiknya. Elakkan dari melakukan kesalahan yang lalu "do not repeat the same mistake".

Saya ingin menyeru agar bersama-sama kita *preview* atau muhasabah kembali semua pencapaian dan kelemahan pada tahun 2010. Antara perkara yang perlu diubah ialah cara kerja perlu ditingkatkan, cara kerja perlu ditukar kalau tidak akan ketinggalan, mengharapkan hasil yang berbeza, jangan terus melakukan perkara yang sama. Kita sebagai pekerja hendaklah berwawasan dan berazam dan bukanlah bermimpi, *benchmark* cara kita bekerja dengan orang-orang yang berjaya, jangan angkuh dengan cara kita walaupun nyata tidak menghasilkan yang terbaik, telitilah perancangan secara berkala, ambil tindakan segera dan susuli setiap perkara yang kita lakukan, nilai diri sendiri, kongsi bersama dengan ahli pengurusan pencapaian dan permasalahan dan janganlah menjadikan ia milik perseorangan dalam satu-satu syarikat kumpulan.

PKINK merupakan institusi amanah dalam melaksanakan perniagaan bumiputera bagi membantu dan mempercepatkan perniagaan bumiputra, mengamalkan sikap yang penuh bertanggungjawab seolah-olah melaksanakan perniagaan sendiri, harapan staff, *shareholders* bagi kerajaan dan rakyat jangan diabaikan, ini kerana mereka mempunyai hak untuk memberi pandangan dan komen terhadap pengurusan kita, tidak berusaha untuk mencapai keuntungan semata-mata kerana kesejahteraan masyarakat perlu diutamakan.

Antara langkah-langkah yang diambil pada tahun lepas untuk memastikan pencapaian pada tahun 2011 ialah melantik konsultan untuk membuat transformasi, menstruktur semula organisasi-organisasi untuk mencapai matlamat yang diidamkan dengan lebih cemerlang yang mana perkara ini akan dilaksanakan pada tahun 2011 hingga 2015, *risk management* (pengurusan risiko) yang agak lemah perlu dipertingkatkan, meningkatkan fungsi pengurusan dan lembaga dalam kumpulan, mengharapkan *corporate culture* yang baru yang dapat diwujudkan dalam kumpulan kita dalam rangka untuk meningkatkan pencapaian dan membina semangat kekitaan dan bangga dengan institusi yang ada.

Antara aspek-aspek yang perlu diambil kira pada tahun 2011 ialah teguran dan saranan jawatankuasa audit perlu diambil perhatian dan dilaksanakan dengan baik, sebarang salah laku perlu diambil perhatian



dan dilaksanakan dengan baik, sebarang salah laku perlu diambil tindakan tanpa mengira kedudukan, aspek ubudiyah, masuliyah, itqan, telus dan kebertanggungjawaban perlu dibuktikan, pengukuhan sistem operasi dengan pelaksanaan manual kerja yang jelas bagi semua kakitangan supaya pelaksanaan kerja lebih teratur.

Dua punca utama yang memberi hasil kepada induk (PKINK) ialah pertama hasil sewaan bangunan contohnya seperti bangunan pejabat, kilang dan menyediakan tempat perniagaan kepada bumiputra di bandar-bandar. Punca kedua ialah pulangan yang berupa dividen dalam pelaburan yang dibuat sama ada dalam bentuk syarikat anak atau usaha sama dengan pihak luar. Sewaan merupakan pendapatan utama, kutipan daripada sewaan melebihi 5 juta walaupun kadar sewaan dan premis perniagaan di bandar tertakluk kepada subsidi dengan alasan untuk membangunkan usahawan bumiputra. Setelah beroperasi selama lebih kurang 20 tahun (tetapi) sebahagian





daripadanya perlu dikaji semula. Sebahagian daripada mereka telah berjaya mencapai kemajuan dan telah berpindah ke tempat lain tanpa memberitahu kepada Perbadanan.

Dengan ini, saya menyeru kepada pihak Usahawan dengan kerjasama Prokel mengkaji semula kadar sewa dan subsidi agar dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin, bukan diberikan kepada mereka yang tidak memerlukan. Sewa kilang dengan kadar sederhana, mungkin perlu dikaji atau dipertimbangkan untuk dijual terus kepada usahawan-usahawan. Walaupun menghadapi sikap liat usahawan untuk membayar tetapi kita tidak boleh terlalu bersikap tolak ansur terhadap mereka sehinggakan merosakkan mereka. Tanah kepunyaan induk banyak dimajukan oleh syarikat anak dan usahasama-usahasama perlu menggambarkan satu urusan yang setaraf kerana untuk memberi gambaran bahawa prestasi yang dilaksanakan oleh operasi atau performance yang realistik.

Polisi tidak mengenakan faedah kepada syarikat-syarikat kumpulan ke atas pendahuluan yang diberikan dan perlu disesuaikan dengan prinsip mudharabah. Pelaksanaan perlu adil kepada kedua-dua pihak terutama rumah-rumah dan bangunan, dijual dengan harga yang sederhana kepada kumpulan bumiputra.

Aspek yang kedua ialah dividen polisi. Kegagalan syarikat-syarikat anak meraih keuntungan yang munasabah berdasarkan kepada modal pendahuluan yang diberi merupakan punca utama prestasi induk tidak memuaskan berdasarkan pencapaian yang didapati. Selain daripada *paid up capital* melebihi RM 80 juta, PKINK telah memberi pendahuluan kepada syarikat-syarikat anak sebanyak RM 112 juta. Untuk makluman saudara dan saudari sekalian, syarikat induk telah mencatat kerugian hampir RM 3 juta. Ini hasil daripada projek-projek besar yang tidak dapat disiapkan dalam perancangan dan kita juga tidak dapat pulangan dalam bentuk dividen.

Berikut merupakan prestasi yang ditunjukkan oleh syarikat anak. Sekalung tahniah diucapkan kepada Syarikat Perladangan Sungai Terah kerana telah berjaya memperoleh pulangan yang tinggi dan menjadi penyumbang utama kepada syarikat kumpulan. Terdapat dua faktor yang menyumbang iaitu harga komoditi yang melambung dan keluasan ladang. Biarpun syarikat ini berjaya tetapi masih tidak berpuas hati kerana gagal untuk mencapai *target* 40,000 hektar tanah. Pengurusan jangan mudah selesa dan kadar kompetensi perlu ditingkatkan dan perlu mencari tempat yang berbeza seperti hutan.

Selain itu, pengurusan perlu melengkapkan diri dengan teknik-teknik terkini bagi melipatgandakan hasil dan menguruskan ladang dengan cara terbaik, pengurusan risiko perlu diutamakan, *benchmark* dengan syarikat-syarikat tersohor dan bukan daripada golongan seangkatan. Perancangan kewangan amatlah mustahak bagi memastikan tanggungjawab pembayaran balik kepada bank dapat dilunaskan dengan sempurna, sistem pengganti pengurusan perlu dirancang dengan teliti. Untuk tahun 2011, Syarikat Ladang Sungai Terah (SLST) dijangkakan mendapat keuntungan sebanyak RM 20 juta manakala pada tahun 2011 dijangkakan meningkat sebanyak RM 23 juta. LST merupakan penyumbang utama dividen kepada PKINK.

Kumpulan Permodalan Kelantan Berhad merupakan penyumbang kedua keuntungan kumpulan, di mana sumber pendapatan utama adalah dari aktiviti Ar-Rahn dan IQSB. PKB telah mengembangkan Ar-Rahn diluar negeri Kelantan dan semua pihak perlu berhemah dan berhati-hati dalam urusan kerana ianya sangat berisiko tinggi.

Bercakap mengenai kumpulan Property (Hartanah) yang mana ia diwakili oleh 4 buah syarikat iaitu Binaraya, Kelkon, SPP dan Infraquest. Keempat-empat syarikat ini memberi sumbangan besar kepada PKINK.

Cabaran utama untuk sektor hartanah keadaan penawaran (*supply*) yang sangat kompetitif kerana kekurangan tanah-tanah kerajaan yang boleh dibangunkan untuk dijual dengan harga mengikut kemampuan masyarakat. PKINK sebenarnya berperanan untuk meraih keuntungan dan berfungsi untuk memajukan bandar-bandar satelit di seluruh negeri Kelantan. KELKON merupakan satu-satunya syarikat pembinaan dalam kumpulan PKINK. Dengan ini, saya ingin mencadangkan supaya KELKON melaksanakan *re-engineering* dan *revision* untuk memastikan adakah kita mampu untuk melaksanakan 100 peratus kerja-kerja pembinaan untuk syarikat-syarikat pemaju dalam kumpulan dan adakah kita boleh bergerak secara bersendirian.


Kijang Kuari merupakan sebuah syarikat kuari bumiputra yang terbesar di negeri kita dan ia menjadi pembina jalan yang utama di negeri Kelantan. Perancangan tahun 2011 ialah untuk mengaktifkan semula kuari di Gua Musang dengan harapan dapat memperbesarkan jalan antara Gua Musang dengan Kuala Krai dengan baik. Semua syarikat hartanah (Binaraya, KELKON, dan Kijang Kuari adalah syarikat di bawah PKB) perlulah bergerak secara berkumpulan dan jangan sesekali bergerak secara berasingan kerana hanya dengan berkumpulan kita akan menjadi kuat.

Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad yang dulunya menjalankan kegiatan tembakau tidak meraih keuntungan yang besar kerana beberapa aktiviti yang diceburi sejak beberapa tahun ini mengalami kerugian.

Sistem Pengurusan Dalam khususnya kutipan terhadap jualan perlulah efisien. Sebagai contoh, kelemahan Damai yang sangat berlembut dalam sistem penjualan. Kelemahan ini dapat diatasi dengan memaksa untuk membayar dan pastikan bahawa jangan memberi pinjaman kepada mereka yang tidak mampu untuk membayarnya.

Prokel merupakan sebuah syarikat *management* yang berfungsi dalam menguruskan harta PKINK yang pada kosnya bernilai lebih dari 80 juta. Prokel harus memastikan pengurusan aset (bangunan) yang dapat memberi pulangan sebaik mungkin. Prokel turut berfungsi dalam *maintenance of the building* untuk mengelak daripada berlaku kerosakan kerana jika berlaku kerosakan terhadap sesebuah bangunan ia akan membawa kerugian yang amat besar. Saya mencadangkan agar Prokel, Usahawan dan Industri berbincang bersama-sama dengan menetapkan tempoh, '*term*' contohnya dalam masa 3 atau 4 tahun dapat memberi peluang kepada usahawan bumiputera memulakan perniagaan di premis kita.

Penglibatan PKINK dalam sektor pelancongan masih menurun biarpun dalam negara mencatat peratus yang amat memberangsangkan. Kegagalan kita dalam memartabatkan sektor pelancongan perlu dimuhasabahkan bersama tetapi kita telah memulakan langkah inisiatif dengan membina KTC.

Dalam pekerjaan kita, kita perlu menumpukan kemas kepada tiga teras iaitu ubudiyah, masuliyah dan itqan. Maksud Itqan disini ialah melakukan kerja dengan efisien iaitu dapat mencapai matlamat dengan kos yang munasabah. Kos akan meningkat disebabkan efisien kerja yang lemah. Dari sudut mas'uliyah pula saya mencadangkan bahawa kepada pengurus-pengurus perlulah melaporkan kepada saya setiap kali mengadakan aktiviti yang besar bagi setiap minggu. Sebagai pengakhiran kata, saya ingin sudahi dengan *Let sun bring you hope, Let star bring you brightness, Let love bring you happiness, Let my message bring you the green income. Happy New Year dan I wish u all best of luck.* Sekian. 





# Kerajaan Negeri Kelantan dan PKINK Anjur Seminar Dan Forum Perniagaan Antarabangsa

Oleh: Sofia Aizan Che Soh

**KERAJAAN** Negeri Kelantan dan PKINK buat julung kalinya telah berjaya mengadakan Seminar dan Forum Perniagaan Antarabangsa - Kelantan International Business Forum, bersempena dengan Expo Cheng Ho 2010 Kelantan-China International Trade Fair yang telah diadakan pada 22 hingga 25 November 2010 bertempat di Pusat Dagangan Kelantan (Kelantan Trade Centre Kota Bharu)

Seminar ini diadakan adalah bertujuan untuk menghimpunkan usahawan-usahawan dan ahli-ahli perniagaan dari seluruh Asia bagi mewujudkan jalinan perniagaan, kerjasama ekonomi dan juga pembangunan serantau


Fokus utama seminar adalah untuk membincangkan peluang-peluang perniagaan dan jalinan antarabangsa di kalangan ahli-ahli perniagaan serta menggalakkan hubungan ekonomi dan mencontohi kejayaan Negara China dalam perdagangan global

KIBF mengandungi 4 seminar utama iaitu IMT-GT Business Opportunities Forum pada 22 November 2010, International China-Kelantan Business Forum pada 23 November 2010, Muslim Business Forum pada 24 November 2010 dan Regional Business Forum pada 25 November 2010 yang telah dihadiri oleh peserta-peserta dari dalam dan luar Negara.

Forum perniagaan ini turut dihadiri oleh tetamu Kehormat iaitu Tuan Yang Terutama Dr Surin Pitsuwan, Setiausaha Agong ASEAN yang telah menyampaikan ucap tama bertajuk "Regional Prosperity Through Trade & Investment". Dalam forum ini juga beberapa kertas

kerja telah dibentangkan antaranya *Kelantan: Trade & Investment Opportunities* oleh YBhg Dato' Hj Husam bin Musa, Exco Kerajaan Negeri Kelantan, *Dinar And Dirham in Modern Trade* oleh Pn Hjh Nik Mahani binti Mohamad, Pengarah Eksekutif Kelantan Gold Trade dan sejarah pelayaran Cheng Ho oleh Dr Tan Ta Sen. Turut diadakan ialah sesi perbincangan panel berkaitan pembanguna IMT-GT, peluang-peluang perniagaan dengan Negara China dan peluang-peluang kerjasama ekonomi serantau antara negara-negara Asean dengan China

Selain daripada forum, pihak penganjur dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK telah mengadakan program Business Matching bagi mana-mana peserta yang ingin mencari pelabur-pelabur yang berkaitan

Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat telah menyampaikan ucapan penutup pada hari akhir seminar. 



## Kumpulan PKINK sumbang RM284 ribu isi Tabung Serambi Mekah

Oleh: Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

**KOTA BHARU** - Dalam menyahut seruan kerajaan negeri yang ingin menjadikan sebuah negeri berkebajikan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sekali lagi muncul sebagai sebuah agensi milik kerajaan yang mementingkan kebajikan rakyat negeri ini.

Kumpulan PKINK baru-baru ini telah menyumbang sejumlah RM284 ribu kepada Tabung Serambi Mekah yang telah dilancarkan kempen oleh Timbalan Menteri Besar Dato' Ahmad Yakob bertempat di Balai Islam.

Datuk Ahmad ketika merasmikan majlis tersebut berkata kewujudan Tabung Serambi Mekah adalah bertujuan untuk menghulurkan bantuan segera kepada rakyat.

Menurut beliau tujuan utama penubuhannya ialah untuk menyalurkan bantuan segera kepada rakyat yang memerlukan terutamanya mereka yang ditimpa bencana atau musibah seperti kebakaran, banjir, berpenyakit kronik dan sebagainya.

"Ia juga ditubuhkan bagi diberi peluang kepada seluruh rakyat terutamanya yang berkemampuan untuk bersama-sama kerajaan


membantu mereka yang memerlukan dan Alhamdulillah sehingga kini Tabung ini berjalan dengan baik hasil kutipan derma dari orang ramai dan syarikat" ujar beliau.



Orang ramai masih lagi boleh menyalurkan sumbangan derma melalui akaun yang telah diwujudkan iaitu melalui Akaun Bank Islam - 3018010028774 (sumber halal) dan 3018010045654 (sumber tidak halal).

Tabung tersebut juga dikenali dengan nama Akaun Amanah Kebajikan Darulnaim telah ditubuhkan pada bulan Febuari 1991 di bawah Seksyen 9 (1) dan 9(3) akta acara kewangan (1957) disemak (1972).

Sementara itu Ketua Pegawai Eksekutif PKINK, Haji Mohd Sabri Abdullah ketika ditemui berkata PKINK adalah merupakan sebuah anak syarikat kerajaan negeri dan seharusnya ia menjalankan tanggungjawab sosial kepada rakyat negeri ini.

"Kita amat berbangga kerana dapat membantu kerajaan dalam mengisi dana Tabung Serambi Mekah kali ini sebagaimana tahun-tahun yang lepas, PKINK akan sentiasa menyokong program yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk kebajikan rakyat," ujar beliau. 





# KPKB percepatkan maju Tanah Tinggi Lojing

Oleh: Tuan Mohd Nor Tuan Yahya

**KOTA BHARU** - Kerjasama yang dijalinan oleh Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dengan pelabur dari luar Fresh Momuntum Sdn Bhd bagi memajukan tanah seluas 213 ekar milik KPKB di Tanah Tinggi Lojing akan dapat mempercepat pembangunan jajahan kecil tersebut.

Menurut Pengerusi KPKB yang juga Pengerusi jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi Che Abdullah Mat Nawi, hubungan ini juga adalah sebahagian hasrat kerajaan untuk menjadikan Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara 2015.

"Kerajaan sentiasa mengalu-alukan mana-mana pihak untuk melabur atau bekerjasama dalam memajukan sektor pertanian di negeri ini dan dengan tanah yang masih lagi banyak di kawasan Tanah Tinggi Lojing ia dapat dimajukan dalam bidang penanaman sayuran berhawa dingin," ujar beliau.

Menurut beliau lagi sebelum ini melalui anak syarikat KPKB iaitu Damai Sdn Bhd telah mengusahakan penanaman buah-buahan di kawasan tersebut.

Sementara itu, menurut Ahli Lembaga Pengarah Fresh Momuntum Sdn Bhd yang mewakili syarikat dalam menandatangani perjanjian tersebut Mohd Isa Ismail



berharap usaha mereka akan mendapat kerjasama sepenuhnya dari kerajaan negeri dan sejumlah RM50 juta akan diperuntukkan dalam usaha memajukan tanah milik KPKB di samping akan membina sebuah pusat pengumpulan sendiri pada fasa kedua nanti.

Perjanjian yang ditandatangani oleh Che Abdullah Mat Nawi bagi pihak KPKB dan Pengarah Fresh Momuntum Sdn

**"Kerajaan sentiasa mengalu-alukan mana-mana pihak untuk melabur atau bekerjasama dalam memajukan sektor pertanian di negeri ini dan dengan tanah yang masih lagi banyak di kawasan Tanah Tinggi Lojing ia dapat dimajukan dalam bidang penanaman sayuran berhawa dingin,"**

*- Che Abdullah Mat Nawi, Pengerusi jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi*



Bhd Mr. Chai Seong Min tersebut turut disaksikan oleh Menteri Besar Kelantan Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat, Ketua Pegawai Eksekutif PKINK Haji Mohd Sabri Abdullah dan Ketua Eksekutif KPKB Haji Mohd Farid Abdul Razak.





# Karnival Bertani Satu Ibadah Peringkat Jajahan Gua Musang

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**GUA MUSANG** - Bersempena dengan Karnival Bertani Satu Ibadah Peringkat Jajahan Gua Musang, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sekali lagi menyertai dan menjayakan karnival yang mempamerkan aktiviti-aktiviti utama dalam sektor-sektor pertanian, peladangan dan pembangunan hartanah.

Karnival anjuran Jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi ini telah dirasmikan oleh Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat di Padang Dewan Sivik Gua Musang pada 25 Oktober lalu.

Karnival ini adalah susulan daripada Ekspo Pertanian Negeri Kelantan 2010 yang telah berlangsung di perkarangan Dataran Stadium Sultan Muhammad ke IV pada bulan April yang lalu.

Objektif program ini ialah untuk menyuburkan lagi pemahaman rakyat Gua Musang terutamanya petani dan penternak terhadap konsep Bertani Satu Ibadah. Selain itu, memberi peluang kepada golongan petani dan penternak jajahan ini untuk mempamerkan kejayaan atau kemampuan yang dicapai atau dirancangan dalam pelbagai aspek pertanian kearah mewujudkan golongan petani dan penternak komersil dan berkualiti.

Di samping itu, dapat mempromosikan



hasil-hasil pengeluaran tempatan atau jajahan masing-masing dalam bidang pertanian, makanan, industri desa,

industri asas tani dan agro pelancongan seterusnya memberi pendedahan kepada masyarakat tentang teknologi yang boleh di gunapakai oleh petani-petani di samping mendedahkan pengetahuan dan teknologi terkini bagi peningkatan pengeluaran.

Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad, sebuah anak syarikat PKINK yang terlibat dalam sektor pertanian juga tidak ketinggalan terlibat secara langsung dalam menjayakan karnival ini.

Pelbagai acara ditampilkan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain antaranya Pameran Agensi Kerajaan, kuiz agensi Kerajaan, pameran ternakan, jualan hasil pertanian, promosi jualan buah-buahan dan persembahan pentas.







# Program Mahabbah Menteri Besar Bersama Masyarakat Orang Asli

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**GUA MUSANG** – Kecaknaan kerajaan negeri terhadap kehidupan masyarakat Orang Asli serta mementingkan kebajikan rakyat tanpa mengira agama dan bangsa harus menjadi amalan pentadbiran kerajaan negeri sepanjang zaman.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) turut menyokong penuh dasar kerajaan negeri yang mementingkan kebajikan rakyat tanpa mengira agama dan bangsa dengan menghadiri Program Mahabbah Menteri Besar Kelantan bersama Masyarakat Orang Asli di Kampung Sandrop pada 1 November lalu.

Program yang diadakan ini adalah bertujuan untuk merapatkan hubungan masyarakat Orang Asli dengan Kerajaan Negeri serta dapat menjelaskan pelbagai isu semasa yang berlaku di negeri ini kepada mereka.

Pengisian program ini juga memberi makna tersendiri apabila tiga orang penduduk asal dengan penuh keyakinan mengucap kalimah syahadah.

Majlis pengislaman mereka yang dihadiri lebih daripada 300 orang penduduk asal menjadi lebih bermakna apabila ucapan lafaz syahadah mereka dipimpin oleh YAB Menteri Besar Kelantan, Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat sendiri dan



disaksikan oleh calon Galas, Dr Zulkefli Mohamed dan turut hadir pada majlis itu adalah Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah dan Exco kerajaan negeri, Abdul Fattah Mahmood dan Dr. Hatta Ramli, Ahli Parlimen Kuala Krai.

Tuan Guru Dato' Nik Aziz Nik Mat juga sempat meluangkan masa menziarahi penduduk disekitar perkampungan tersebut.

## PKINK Prihatin Nasib Orang Asli

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

**GUA MUSANG** – Keprihatinan yang ditunjukkan oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) bukan sahaja melibatkan masyarakat majoriti negeri ini, malah ia diteruskan juga kepada Masyarakat Orang Asli terutamanya dalam program kesedaran pembangunan masyarakat setempat.

PKINK yang diketuai oleh Ketua Penyelaras Program Mohd Rozi Mohd Noor serta anggota kumpulan PKINK telah mengikuti program turun padang ke perkampungan Orang Asli di sekitar Gua Musang dan Lojing pada 2 hingga 4 November lalu.

Agensi Kerajaan yang turut sama ialah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JAHEAIK), Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (MPKB-BRI), Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Syarikat Ladang Sungai Terah (SLST) dan lain-lain agensi.

Program yang julung kali diadakan ini adalah bertujuan untuk merapatkan

hubungan masyarakat Orang Asli dengan agensi kerajaan serta dapat menjelaskan pelbagai isu semasa yang berlaku di negeri ini kepada mereka.

Biarpun masyarakat Orang Asli berada jauh di pedalaman namun sebagai sebuah agensi kerajaan negeri, PKINK berhak memberi bantuan dan penerangan berkaitan manfaat yang diterima daripada kerajaan negeri.

Kedatangan rombongan ini yang terpaksa menempuh cabaran dalam perjalanan ke perkampungan mereka diterima baik dan dilayan dengan begitu mesra untuk mendengar penjelasan dari PKINK terutamanya program yang diadakan oleh PKINK sendiri.

Melalui program Cakna Orang Asli ini juga PKINK berjaya mendekatkan diri mereka dengan kerajaan negeri. Dalam masa sama PKINK turut menyumbang sedikit sumbangan berupa wang tunai dan bekalan makanan harian serta mereka dijamu makan dalam satu majlis ringkas.



Kehadiran mereka yang hampir mencecah 40 buah keluarga itu menggambarkan kesedaran masyarakat Orang Asli terhadap kerajaan di bawah kepimpinan Tuan Guru Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mementingkan kebajikan rakyat tanpa mengira agama dan bangsa.





# Ekspo Sempena Sambutan 20 Tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook


**KOTA BHARU** – 21 November 2010 Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menyertai Ekspo Sempena Sambutan 20 Tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan yang telah diadakan di Perkarangan Stadium Sultan Muhd Ke IV, Kota Bharu selama lima hari.

Ekspo sambutan 20 tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan ini diadakan sempena Ekspo Kelantan-China International Trade Fair. Ekspo yang berlangsung selama lima hari ini diadakan dengan penuh gilang gemilang dan telah mendapat sambutan luar biasa oleh rakyat negeri Kelantan, pelancong luar negeri dan juga dari luar negara. Selain pavilion Kelantan yang menempatkan Agensi-Agensi Kerajaan, Badan Berkanun dan swasta di Kelantan, juga terdapat pavilion China yang menempatkan usahawan-usahawan dari China, juga pavilion antarabangsa yang menempatkan usahawan-usahawan dari luar Kelantan, termasuk beberapa negara Asean seperti Singapura, Indonesia, Thailand, Filipina, Brunei, Kemboja dan juga dari negara Uzbekistan. Selain pavilion, terdapat juga khemah-khemah yang menempatkan usahawan-usahawan bimbingan MARA dan juga




usahawan-usahawan tempatan.

PKINK yang dikategorikan agensi Kerajaan ditempatkan ditengah-tengah pavilion Kelantan bersama-sama dengan Urusetia Penerangan, Yayasan Islam Kelantan dan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan. PKINK telah mempamerkan aktiviti utama kumpulan PKINK dan kemajuan yang telah dicapai sepanjang 20 tahun pentadbiran Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan. PKINK yang dipengerusikan YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abd. Aziz b. Nik Mat selaku Menteri Besar, sehingga kini telah mempunyai 23 Anak Syarikat yang terlibat dalam Sektor Hartanah dan Pembinaan, Sektor Perladangan, Sektor Pertanian, Sektor Perikanan, Sektor Perkhidmatan, Sektor Rehat dan Rekreasi, dan Sektor Galian.

Bagi merealisasikan dasar Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan, PKINK telah berjaya dalam mempelopori projek perumahan tiga bilik tidur dengan dua bilik air, sistem pajak gadai Islam, emas dinar dan pusat rawatan untuk wanita sepenuhnya. Sehingga kini PKINK masih meneruskan dasar tersebut dan akan terus membangunkan Kelantan dengan tidak mengenyahkan Pembangunan Ummah yang menjadi hasrat Kerajaan Negeri Kelantan. 






## PKINK Sertai Ekspo Sempena Pengisytiharan Majlis Daerah Ketereh Perbandaran Islam

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

**KETEREH** – 7 Disember 2010, Majlis Daerah Ketereh (MDK) telah diisytiharkan sebagai Perbandaran Islam yang pertama di Malaysia. Kejayaan ini berjaya dicapai selepas lebih lima tahun Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) diisytiharkan Bandar Raya Islam.

Perasmiannya telah disempurnakan oleh Speaker DUN Kelantan, Dato' Nasaruddin Daud menggantikan YAB Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan. Hadir sama ialah Dato' Takiyuddin Hassan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan Dato' Che Rahim Che Jusoh, ADUN Melor Wan Ismail Wan Jusoh, ADUN Kadok Azami Mohd Nor dan Yang Dipertua MDK Perbandaran Islam Tengku Azmi Tengku Jaafar.


Program bermula dengan solat Maghrib, kemudian solat hajat dan tazkirah oleh Pegawai Dakwah JAHEAIK, Ustaz Saibon Ismail. Pihak MDK Perbandaran Islam juga telah menganjur ekspo selama tiga hari, bermula 7 hingga 9 Disember 2010. Pameran tersebut turut disertai agensi-agensi kerajaan termasuk PKINK selain dari pengusaha-pengusaha tempatan yang menjual hasil produk masing-masing. 

## Lawatan Kerja Ketua Jabatan An-Nisa Ke Hospital Terpilih

Oleh: Sufflan Hamat (An-Nisa')

**PADA** 26 Oktober 2010 bersamaan 18 Zulkaedah 1431H, Pusat Perubatan An-Nisa' telah diterima sebagai ahli Konsortium Hospital Islam Malaysia (KHIM). Sehubungan dengan itu, satu lawatan kerja selama empat hari telah dibuat di hospital-hospital sekitar Kuala Lumpur seperti Hospital Pakar Al-Islam, Gombak Medical Centre, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) - Majlis Kanser Nasional (MAKNA), Pusat Rawatan Islam Az-Zahrah dan Pusrawi pada 21 hingga 24 November 2010.

Lawatan kerja seramai 12 orang ini diketuai oleh Pengarah Hospital Pusat Perubatan An-Nisa' YBrs Dr Roseliza Muhamad bertujuan untuk mengeratkan perhubungan dan memberi pendedahan kepada ahli rombongan untuk mengenali dan meningkatkan lagi tahap perkhidmatan di An-Nisa' berlandaskan nilai-nilai Islam.

Secara keseluruhan, lawatan kerja ini dapat memberi satu pendedahan kepada ahli rombongan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan Pusat Perubatan An-Nisa' sebagai salah sebuah pusat perubatan yang mengaplikasikan perkhidmatan yang berkualiti pada tahap kecekapan yang bermutu tinggi sejajar dengan penerapan nilai-nilai Islam. 







# Sukarelawan Nadi Ekspo Cheng Ho

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU :** Kejayaan Ekspo Cheng Ho, Kelantan-China International Trade Fair bukan sahaja dinilai daripada kehadiran pengunjung malah diukur dari kejayaan kerajaan negeri memikat syarikat-syarikat gergasi China datang ke Kelantan untuk menyertai ekspo yang julung-julung kalinya diadakan di negara ini.

Namun disebalik kelancaran dan kejayaan ekspo ini, wujudnya "si baju hijau" yang dibentuk khas untuk membantu melicinkan perjalanan program dan telah pun memainkan peranan yang cukup penting sewajarnya diberi penghargaan.

Nampak sahaja golongan remaja memakai baju berwarna hijau pucuk pisang, berseluar panjang hitam bagi lelaki dan berkain hitam bagi sukarelawan wanita, ramai yang tertanya-tanya siapakah mereka?

Mereka juga kelihatan di mana-mana kawasan ekspo sambil menjalankan tugas sama ada sebagai penyambut tetamu, mengiringi tetamu kehormat, selain jurubahasa antara peniaga dengan pembeli tempatan dan sebagainya. Pendek kata, segala tugas sama ada ringan atau berat mereka pikul dengan hati yang ikhlas.

Seramai 1,300 orang sukarelawan dengan 300 daripadanya masyarakat Cina tempatan dilantik sebagai perantara bagi melancarkan perjalanan program.

Pengerusi Jawatankuasa Kecil Sukarelawan Cheng Ho 2010, Mohd Adilan Mat Jusoh, mengakui sukarelawan yang dilantik khas oleh kerajaan negeri banyak membantu menjayakan program tersebut.

Menurut Adilan lagi, sukarelawan bertugas untuk memudahkan urusan pembelian atau urusan lain membabitkan pengunjung tempatan dan peniaga China.

"Kebanyakan peniaga China ini tidak menguasai Bahasa Inggeris, jadi sukarelawan berbangsa Cina diperlukan sebagai jurubahasa dengan pembeli tempatan yang berbangsa Melayu," ujarnya.



Selain itu katanya, mereka juga ditugaskan untuk meraikan pengunjung, menyambut tetamu dan menyebarkan maklumat khususnya berhubung ekspo.

"Mereka tidak akan hadir membantu dengan hanya tangan kosong, mereka juga tidak akan tampil jika tidak mempunyai ilmu," katanya.

Para sukarelawan juga tambahnya mengikuti kursus khas selama tiga hari.

Sukarelawan yang berusia antara 17 hingga 30 tahun itu dilatih kaedah melayan, menghormati dan membantu tetamu juga orang ramai dengan cara yang berhemah.

"Paling penting mereka ditanam sifat amanah, ikhlas membantu, berkeyakinan, menjaga protokol majlis dan lain-lain lagi," ujarnya.

Sukarelawan diberikan sedikit imbuhan, sijil penghargaan, makan dan minum sepanjang bertugas.

Adilan memuji skuad bimbingannya kerana berjaya menjalankan tanggungjawab dengan penuh amanah dan sempurna.

Tahniah diucapkan kepada para sukarelawan kerana sedia berkorban untuk kepentingan yang lebih besar dan memberi khidmat secara profesional serta menjadi media perantara kepada masyarakat umum sebagai salah satu usaha sokongan dalam membantu pembangunan sosial negeri Kelantan. Syabas juga diucapkan kepada pihak kerajaan negeri melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) diatas kejayaan melahirkan sukarelawan yang berkaliber, berintegriti dan berpotensi. IKHLAS MEMBANTU!!!





# Kemakmuran Serantau Melalui Perdagangan dan Pelaburan

Bahagian  
Pertama

Oleh Dr Surin Pitsuwan (Setiausaha Agung ASEAN)



**A S S A L A M U A L A I K U M  
WARAHMATULLAHIWABARAKATUH.**

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Selawat dan Salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, dan para nabi dan para rasul dan keluarga baginda.

Yang Berhormat Dato Husam Musa, Yang Terutama perwakilan-perwakilan dari negara asing, yang dihormati para peserta, tuan-tuan dan puan-puan.

Adalah suatu penghormatan bagi saya sebagai Setiausaha Agung ASEAN, 10 buah negara dengan 592 juta orang penduduk, untuk dapat menyertai anda semua dalam forum perniagaan yang sangat penting, kritikal dan tepat pada masanya ini di Negeri Kelantan. Alhamdulillah.

Seperti yang dinyatakan oleh Dato Husam Musa, jadual saya sangat ketat. Sebahagian besar masa saya dihabiskan di udara, terbang dari satu persidangan ke persidangan yang lain. Salah seorang dari anak saya pernah bertanya, "Baba, bila masanya baba bekerja? Baba hanya bercakap, berucap dan dialog dengan orang sahaja" Saya beritahu dia bahawa itulah tugas sebenar saya. Tugas saya adalah untuk menjadi ketua pasukan sorak ASEAN.

ASEAN dilahirkan 43 tahun dahulu di atas kebijaksanaan 5 orang negarawan utama rantau ini. Salah seorang dari mereka ialah Tun Razak, Perdana Menteri Malaysia yang kedua. Visi 5 negarawan yang bertemu di sebuah kampung pesisiran pantai di timur laut Bangkok pada 8hb Ogos 1967 adalah untuk membentuk sebuah pertubuhan serantau terdiri daripada negara kecil dan sederhana agar kita dapat kerja bersama, agar kita dapat menyediakan masa depan untuk generasi akan datang, dan agar kita dapat menafaat daripada keadaan saling melengkapi, kekuatan dan ciri-ciri tersendiri kita.

Malaysia tentunya mempunyai ciri





Sehinggakan di persidangan G20 di Seoul 10 hari yang lalu, Presiden Sarkozy dari Perancis menegaskan bahawa perlu dibentuk peraturan terhadap harga spekulasi komoditi,apa bentuk komoditi sekali pun, bijih besi, kuprum, timah, makanan, gas asli, getah,sawit dan emas.

tersendirinya, pelbagai etnik, pelbagai kaum, pelbagai budaya. Malaysia adalah sangat unik sehingga boleh dianggap sebagai melambangkan Asia.

Bersama-sama, kita mempunyai sinergi yang sangat kuat. 240 juta di Indonesia, 64-65 juta di Thailand, 80 juta lebih di Vietnam dan keseluruhannya, 592 juta pengguna, 592 juta pasaran, 592 juta asas pengeluaran.

Bagaimanakah kita boleh berada dalam satu kumpulan? Kita menjadi satu kumpulan disebabkan oleh kedudukan geografi yang berhampiran antara satu sama lain dan melalui ikatan sejarah. Utara Malaysia dan Selatan Thailand, menyeberangi Telok Siam ke Kemboja dan Vietnam dan merentasi Selat Melaka ke Sumatera dahulunya adalah suatu unit kebudayaan yang tunggal. Apabila Laksamana Cheng Ho tiba di rantau ini pada tahun 1405, beliau dan pengikutnya melihat kepada lanskap rantau ini dan menyedari bahawa rantau ini sememangnya luas dan kaya dengan anugerah semulajadi. Dengan kawasan hutan, dengan kekayaan lautnya, dengan hasil galian di dasar laut, di gunung dan di dalam bumi. Terdapat satu rujukan dalam makalah yang pernah saya baca mengenai Laksamana Cheng Ho bahawa beliau sememangnya menyumbang ke arah pembentukan kesedaran tentang utara Malaysia, selatan Thailand, Sumatera termasuk Indonesia sebagai satu unit geografi.

Maka sumbangan Laksamana Cheng

Ho adalah untuk kita hargai dan rasai, bahawa rantau ini adalah suatu unit di atas planet bernama bumi. Dan pada pandangan saya visi beliau itu tidak tersasar kerana apa yang kita cuba lakukan di Kota Bharu ini, dan tentunya apa yang kita bincangkan di Kota Bharu ini, akan di komunikasikan ke seluruh rantau ini. Iaitu, kita menyambung legasi dan visi Laksamana Cheng Ho dan kita ingin lakukan untuk rakyat kita apa yang Laksamana Cheng Ho telah saksikan, iaitu kemakmuran rantau ini dan persekitaran semulajadi yang unik di mana kita semua diami.

Saya bertanyakan Saudara Husam, berapakah jumlah penduduk di negeri-negeri utara Malaysia, Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu. Beliau menjawab lebihkurang 5 juta. Tetapi 5 juta ini, dalam era globalisasi, alam era penyambungan (konektiviti) ASEAN, dalam era telekomunikasi, kita semua mesti berfikir di luar pemikiran tradisional. Iaitu, disebabkan kita jauh dari ibu negara - selatan Thailand dari Bangkok, utara Malaysia dari Kuala Lumpur- teknologi moden, penyambungan moden, integrasi, cara ASEAN berevolusi, negeri-negeri di Utara Malaysia, Selatan Thailand dan Sumatera mesti berfikir dan mesti yakin dan mesti bertindak dalam cara agar kita semua mendapat menafaat dari sinergi yang terhasil dari pengglobalisasian.

Saya rasa, saudara Husam, anda mempunyai sasaran yang betul untuk menyemai perhubungan dengan sahabat

kita di China. Sebab 1.4 bilion penduduk di sana, kelas pertengahan yang semakin berkembang, kuasa membeli yang meningkat dan pasaran China inginkan kesemua. Inginkan makanan, inginkan sumber semulajadi, inginkan galian, inginkan semua komoditi yang dihasilkan dunia. Sehinggakan di persidangan G20 di Seoul 10 hari yang lalu, Presiden Sarkozy dari Perancis menegaskan bahawa perlu dibentuk peraturan terhadap harga spekulasi komoditi, apa bentuk komoditi sekali pun, bijih besi, kuprum, timah, makanan, gas asli, getah, sawit dan emas. Kesemuanya melonjak disebabkan oleh bentuk spekulasi pasaran global. Dan mereka menuding jari ke arah China.

Bukti yang China sedang berkembang adalah jelas kepada kita semua. Dan China perlu berkembang sekurang-kurangnya sebanyak 9-10% setahun untuk menyerap tenaga kerja baru yang keluar dari universiti di seluruh China. Untuk kekal berkembang sebanyak 8,9 atau 10% setahun bukan suatu pilihan bagi China, tetapi adalah keperluan. Sebab jika pasaran kerja tidak mampu untuk menyerap tenaga kerja baru yang keluar dari akademi di seluruh China, akan timbul masalah di China.

Maka, terdapat pasaran, terdapat keupayaan, ada masa depan untuk kita semua meliputi Asia, meliputi Asia Timur terutamanya ASEAN. Perdagangan kita dengan China pada tahun 2008 adalah USD192 bilion. Pertumbuhan dagangan ialah 30% setahun. Cuba





bayangkan, katakan USD200 bilion setahun, pada 30% ialah USD60 bilion peningkatan setahun. Kenapa risaukan Kelantan, utara Malaysia, selatan Thailand akan tertinggal sedangkan pasaran sedia ada, pengguna sedia ada. Apa yang boleh kita keluarkan, kita hanya perlu fikir apa yang ingin dikeluarkan, apa jua yang kita keluarkan akan diguna, akan di beli.

Apa yang ASEAN sedang lakukan sekarang adalah apa yang Laksamana Cheng Ho lakukan 600 tahun dahulu. Iaitu, untuk melihat ke arah rantau geografi ini dan menyedari bahawa rantau ini boleh di jadikan suatu unit ekonomi. Saling melengkapi satu sama lain. Anda hasilkan beras, kami perlukan beras. Anda mempunyai ikan dalam air, kami perlukan ikan. Anda mempunyai galian di dasar laut, kami perlukan galian. Anda hasilkan makanan, kami perlukan makanan. Anda proseskan sebarang produk, kami perlukan semua produk.

Saya rasa anda hanya perlu untuk memikirkan tentang model penyambungan (konektiviti) yang baru bagi era globalisasi ini. Pagi ini saya terserempak dengan saudara saya dari selatan Thailand, berumur 28 tahun. Saya bertanya tentang apa yang dia sedang lakukan sekarang. Jawabnya, "e-perdagangan". Saya tanya, "apa itu e-perdagangan?" Jawabnya lagi, "saya duduk depan komputer. Saya letak jawatan dari jawatan di Lucky Gold di Bangkok" Saya bertanya, "berapa keuntungan setiap bulan?" Jawab beliau, "150,000 Baht". Membuat apa? Berjualbeli melalui komputer.

Penyambungan (konektiviti) yang diberikan oleh teknologi baru memecahkan pemencilan yang kita fikir geografi kenakan ke atas kita sebelum ini. Tidak lagi. Sekiranya komuniti di India, di kaki bukit Tamil Nadu boleh menjalankan kerja penyumberan luar (outsourcing) perkhidmatan sokongan, akaun dan penggajian- kesemua kerja itu tidak perlu dilakukan di tapak di mana-mana ibu negara di dunia- kerja-kerja itu juga boleh disumber luarkan (outsourc) ke Kelantan. Keperluan utamanya hanyalah teknologi IT yang tinggi. Keperluan utamanya adalah kemahiran Bahasa Inggeris yang tinggi. Anda mempunyai kemahiran tersebut.

Negara-negara seperti Filipina, negara-negara seperti India boleh menjalankan penyumer luaran untuk syarikat-syarikat di

**Anda adalah unik. Kenapa merungut, teruskan usaha. Dan penyambungan (konektiviti) ini saya yakin diakui oleh semua komuniti di Kota Bharu, di utara Malaysia. Masyarakat India boleh berhubung dengan 1.1 bilion penduduk India. Masyarakat Cina boleh berhubung dengan 1.4 bilion penduduk China. Anda mempunyai masyarakat Thai yang besar di Kelantan, di utara Malaysia. Dan anda mempunyai Islam sebagai 'Hablullah', tali Allah, untuk berhubung dengan Timur Tengah. Dengan 1.5 bilion Muslim di serata dunia, saya tidak boleh bayangkan unit geografi, komuniti atau negeri, atau rantau di dunia ini yang mempunyai kelebihan seperti yang anda ada.**

Florida di Amerika Syarikat. Keseluruhan pengalaman ekonomi di Ireland-sekarang ini mempunyai masalah tetapi Ireland adalah dari mana orang miskin berhijrah ke Amerika Syarikat- keseluruhan sejarah moden pembangunan ekonomi Ireland, sebelum ini, dan sehingga kini, masih berasaskan kepada teknologi IT. Seheinggakan mereka menjemput jurutera-jurutera Ireland dari seluruh dunia, "tolong kembali dan bantu kami sebab kami tidak mampu untuk menyelesaikan pesanan dari seluruh dunia ini". Hanya kerana Bahasa Inggeris.

Dan kemahiran Bahasa Inggeris di sini lebih tinggi daripada selatan Thailand tentunya. Saya percaya boleh dikatakan lebih tinggi dari di Indonesia tentunya. Selain dari itu anda mempunyai Bahasa Cina di sini. Selain dari itu anda mempunyai Bahasa Tamil, Bahasa Hindi di sini. Kedudukan unik anda di sini, di utara Malaysia, mesti digunakan sebagai kuasa pemasaran anda. Saya orang luar, agak keberatan untuk menyatakan kuasa tawar-menawar dengan Kuala Lumpur, tetapi tentunya kuasa pemasaran dengan seluruh rantau ini.

Anda adalah unik. Kenapa merungut, teruskan usaha. Dan penyambungan (konektiviti) ini saya yakin diakui oleh semua komuniti di Kota Bharu, di utara Malaysia. Masyarakat India boleh berhubung dengan 1.1 bilion penduduk India. Masyarakat Cina boleh berhubung dengan 1.4 bilion penduduk China. Anda

mempunyai masyarakat Thai yang besar di Kelantan, di utara Malaysia. Dan anda mempunyai Islam sebagai 'Hablullah', tali Allah, untuk berhubung dengan Timur Tengah. Dengan 1.5 bilion Muslim di serata dunia, saya tidak boleh bayangkan unit geografi, komuniti atau negeri, atau rantau di dunia ini yang mempunyai kelebihan seperti yang anda ada.

Allah berfirman,

”يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ  
وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا“  
(Surah Al-Hujurat: ayat 13)

Maksudnya: "Kami jadikan kamu, dari seorang lelaki dan seorang perempuan, kepada berlainan bangsa, berlainan keadaan fizikal, berlainan suku, supaya kamu berkenalan antara satu sama lain, supaya kamu belajar dari satu sama lain, supaya bersinergi antara satu sama lain, memberi menafaat kepada satu sama lain. Kenapa melihat ke arah lain. Kebijaksanaan terdapat dalam Al-Quran bagi Muslim. Saya yakin masyarakat Cina dan India boleh melakukan perkara yang sama. Lihat kepada inspirasi, cari penyambungan (konektiviti), cari pasaran. Itulah kaedah zaman moden."

Saya boleh katakan bahawa ASEAN berada dalam kedudukan yang cantik sekarang. 10 negara di Asia Tenggara berada dalam kedudukan yang cantik sekarang. Kenapa? Disebabkan dinamisma





India dengan 1.1 bilion, dinamisma China dengan 1.4 bilion penduduk. Bukan saja China, tetapi China, India, ASEAN, Korea dan Jepun sekarang adalah lokomotif pemulihan ekonomi global. Kita menjadi lebih penting di mata dunia sekarang ini. Mereka menghadapi krisis ekonomi pada tahun 2008. Kita lebih dahulu menghadapi krisis tersebut, pada tahun 1997. Tetapi kita telah memulihkan keadaan gawat kita. Kita hadapi cabaran tersebut. Kita menambahbaik pengeluaran kita. Kita menambahbaik pentadbiran kita. Kita memperhalusi perbankan kita. Dan kita menambahbaikkan formulasi polisi fiskal dan kewangan kita.

Apabila Barat mengalami kejatuhan. Apabila Lehman Brothers jatuh, apabila Amerika Utara jatuh, apabila Eropah Barat jatuh, sudah tentu ia memberi kesan ke atas kita disebabkan rantau-rantau tersebut adalah pasaran kita. Tetapi kesannya ke atas kita tidak seteruk yang di alami oleh rantau-rantau lain. Yang paling kurang terkesan dan yang paling awal untuk pulih. Kita sekarang ini berada dalam keadaan yang lebih baik dari sebelum 2008. Dan kita diberitahu untuk melihat kepada pasaran sendiri. Kita diberitahu untuk meningkatkan permintaan serantau. Kita disuruh untuk mengabaikan dan mengurangkan pergantungan kepada Amerika Syarikat dan Eropah Barat. Lahirkan permintaan sendiri, bentukkan pasaran sendiri dan itulah apa yang kita lakukan sekarang.



Kita ingin meningkatkan pendapatan rakyat kita. Kita ingin tawarkan lebih banyak pilihan di kalangan kita sendiri. Pengeluaran dari Thailand, pengeluaran dari Indonesia, pengeluaran dari Malaysia, pengeluaran dari Singapura. Kita berdagang di antara satu sama lain dengan lebih banyak. Kerana kita tahu, untuk terus hidup dalam dunia persaingan ini kita mesti memastikan kita mempunyai asas yang kukuh untuk beriteraksi dengan dunia luar.

***Bahagian Pertama Sedutan Ucaptama Dr Surin Pitsuwan Setiausaha AGONG ASEAN bertajuk "Regional Prosperity Through Trade & Investment" di Kelantan International Business Forum sempena Ekspo Cheng Ho 2010 pada 22 November 2010 bertempat di Dewan Konvensyen, Kelantan Trade Centre, Kota Bharu, Kelantan MALAYSIA.***







# Khidmat Masyarakat An' Nisa

Oleh: Sufflan Hamat (An-Nisa')

**KOTA BHARU** - Buat julung kalinya, Pusat Perubatan An-Nisa' berjaya menganjurkan program Pemeriksaan Kesihatan secara percuma kepada penduduk Gua Musang bertempat di Perkarangan Padang Bola RPT Sungai Terah Galas, Gua Musang Kelantan. Program ini dijalankan bersama kumpulan muslimin dan muslimat serentak dengan kempen Pilihan Raya Kecil Dun Galas (N45) pada 4 November 2010.

Pemeriksaan kesihatan yang berlangsung bermula dari jam 3.00 petang pada 29 Oktober 2010 ini berjaya menarik ramai golongan lapisan masyarakat termasuk kanak-kanak, ibu bapa dan warga emas. Ia merupakan satu usaha An-Nisa' untuk menyedarkan penduduk sekitar Gua Musang terutama di kawasan luar bandar tentang betapa pentingnya aspek penjagaan kesihatan diri masing-masing dari semasa ke semasa.

Seramai 11 kakitangan Pusat Perubatan An-Nisa' yang diketuai Pengarah Hospital, Dr. Roseliza Muhamad terlibat dalam program ini. Antara aktiviti yang dianjurkan termasuklah BMI, pemeriksaan saringan tekanan darah, saringan glukos dalam darah, dan penerangan tentang kemudahan-kemudahan yang disediakan di Pusat Perubatan An-Nisa' Kota Bharu.



Secara keseluruhan, Pusat Perubatan An-Nisa' menerima reaksi positif terhadap kecenderungan penjagaan kesihatan yang ditunjukkan oleh orang ramai sekaligus dapat menyumbangkan bakti kepada Rakyat Kelantan. Pihak An-Nisa' juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Negeri Kelantan dan Penganjur Cakno Rakyat RPT Sungai Terah di atas kesudian menjemput An-Nisa' untuk menjayakan program yang diatur untuk penduduk-penduduk Gua Musang, Kelantan.

## Majlis Sambutan Hari Raya PKINK

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

**KOTA BHARU** – 5 Oktober 2010, walaupun sederhana, sambutan hari raya Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) tetap meriah. Majlis tersebut telah diadakan di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK. Dianggarkan 300 orang anggota yang terdiri dari Anggota PKINK, penyewa bangunan PKINK dan anggota pengurusan Syarikat Anak telah hadir.

Program telah bermula jam 10.00 pagi, dengan ucapan alu-aluan oleh Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) Tuan Hj. Zainal Abdul Rahim dan ucapan oleh Ketua Eksekutif PKINK Tuan Hj. Mohd Sabri Abdullah. Dalam Majlis ini juga, disempurnakan penyampaian Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti 2009. Anugerah ini telah disampaikan Ketua Eksekutif PKINK kepada Pengurus Kewangan PKINK. Sebelum itu, Ketua Eksekutif PKINK telah menerima Anugerah



tersebut diPeringkat Kebangsaan. Selesai penganugerahan tersebut, satu majlis beramah mesra dan bermaaf-maafan dikalangan semua anggota yang hadir turut berlangsung.

Bagi melancarkan program, pihak urusetia telah membahagikan kepada beberapa "station" yang diuruselia oleh bahagian-bahagian tertentu mengikut jamuan yang disediakan. Program berakhir kira-kira jam 2.00 petang.







# Tengku Mahkota Kelantan Berkenan Merasmikan Ekspo Cheng Ho

Oleh : Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU** – Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faiz Petra berkenan merasmikan Ekspo Cheng Ho Kelantan-China International Trade Fair 2010 di Pusat Dagangan Kelantan (KTC) pada 21 November lalu dengan pelbagai persembahan menarik yang disediakan.

Sempena majlis perasmian tersebut turut diadakan pelbagai persembahan yang khusus didatangkan dari negara China yang berjaya memukau perhatian hadirin.

Ekspo selama enam hari yang bertemakan persahabatan dan kemakmuran itu dihadiri delegasi pelbagai negara terutama dari China, Kazakhstan, Uzbekistan dan sebagainya serta peserta tempatan.

Permulaan majlis diserikan dengan bacaan ayat suci al-Quran oleh qari dari Yunnan, China, Baocheng Ma sebelum diikuti dengan bacaan doa Imam Besar Wilayah Guanzhou, Ma Bau Yu.

Aturcara majlis dimulakan dengan ucapan Pengerusi Jawatankuasa Induk Ekspo, Dato' Husam Musa, Datuk Bandar Yinchuan, Ningxia dan ucapan Timbalan Menteri Besar, Dato' Ahmad Yakub.

Selesai ucapan itu, hadirin berpeluang menyaksikan persembahan kemahiran tangan daripada Khairat Aziz sebelum diikuti aksi seni mempertahankan diri kumpulan Shaolin, persembahan muzik dan nyanyian etnik yang mendapat tepukan gemuruh daripada hadirin.

Selesai majlis perasmian, Tengku Mahkota berangkat merasmikan pameran Cheng Ho dan menyaksikan pameran yang dibawa khas dari China seperti al-Quran terpanjang di dunia, al-Quran yang diperbuat daripada emas berusia 500 tahun, sejarah pengembaraan Laksamana Cheng Ho dan beberapa artifak bernilai dari China di tingkat 4 KTC.

Dato' Timbalan Menteri Besar dalam ucapannya berharap kerjasama yang



dijalinkan dalam ekspo enam hari itu akan mendorong kepada kerjasama yang berterusan dari kalangan delegasi dalam bidang perniagaan, pelancongan dan sebagainya.

"Ekspo ini akan disusuli dengan pelbagai usaha untuk titik permulaan pembangunan ekonomi di Kelantan memandangkan kebanyakan usahawan yang menyertai ekspo ini beragama Islam dan mereka mampu menjadi peneraju dalam bidang masing-masing di negara

China.

"Kelantan akan tampil menjadi teraju perubahan bidang ini dalam usaha meningkatkan lagi ekonomi masyarakat negeri ini sejajar dengan negara luar," katanya.

Tambahnya, melalui program antarabangsa seperti ini yang disertai pelbagai Negara luar ia dapat menyatukan satu aktiviti besar-besaran terutama dalam bidang pengeluaran produk makanan halal, perbankan, kewangan dan bioteknologi.





# Kelantan International Business Forum sempena Ekspo Cheng Ho 2010



## PKINK Prihatin Nasib Orang Asli







# Program Mahabbah Menteri Besar Bersama Masyarakat Orang Asal



## Memburu Kelah Di Tasik Kenyir







# Aktiviti Latihan Diteruskan Di Makmal Siber PKINK

Oleh: Hawa M Saleh

**AKTIVITI** latihan dan sewaan di Makmal Siber PKINK masih diteruskan sehingga akhir tahun 2010. Syukur ke hadrat Illahi kerana kemudahan tersebut sentiasa dimanfaatkan oleh warga PKINK serta pelbagai agensi lain dan awam.

Sepanjang setengah tahun kedua 2010 pelbagai kelas / latihan telah diadakan seperti Kelas Pengenalan Drupal pada 17 Ogos serta Kelas Pengenalan Joomla pada 26 Ogos yang lalu. Kedua-dua kelas tersebut memberi pendedahan kepada peserta tentang penggunaan teknologi CMS untuk membangunkan laman web. Kedua-dua kursus tersebut telah dengan berjaya jayanya dan dihadiri oleh anggota PKINK dan syarikat anak.

Selain itu Ujian Menaip untuk Pembantu Tadbir N17 juga telah dijalankan di Makmal Siber PKINK di bawah seliaan bersama Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)

dan Jabatan Perkhidmatan Awam pada 3 Ogos yang lalu.

Tutorial/Bengkel Web 2.0 peringkat ke 2 yang dianjurkan oleh ICT Inkubator Center (IIC) dengan kerjasama Multimedia Development Corporation (MDec) telah berlangsung pada 7-11 November dengan jayanya. Program tersebut dibuka untuk usahawan kecil yang berdaftar dengan program technopreneur dan inkubatee negeri Kelantan dibawah seliaan IIC. Seramai lebih 20 orang peserta dari pelbagai bidang perniagaan telah didedahkan dengan pengetahuan dan ilmu yang boleh banyak membantu dalam mereka membangunkan perniagaan dengan menggunakan teknologi ICT. Mendengar komen peserta, keseluruhan mereka amat berpuas hati walaupun apa yang ditunjuk ajar pada mulanya agak sukar untuk mereka fahami. Kaedah

Kedua-dua kelas tersebut memberi pendedahan kepada peserta tentang penggunaan teknologi CMS untuk membangunkan laman web. Kedua-dua kursus tersebut telah dengan berjaya jayanya dan dihadiri oleh anggota PKINK dan syarikat anak.


pembelajaran yang sistematik oleh tenaga pengajar yang berpengalaman telah mampu memudahkan proses tersebut.

Menjadi hasrat PKINK untuk terus memajukan Makmal Siber PKINK sebagai sebuah pusat latihan berkemudahan IT untuk pelbagai kursus/latihan oleh pelbagai Agensi Kerajaan/Swasta dan awam yang berminat.

## PKINK Anjur Kursus Penulisan Minit Mesyuarat Dan Penyediaan Laporan Efektif

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

**KOTA BHARU** – 29 November 2010 bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK, Unit Latihan Pengurusan Sumber Manusia telah menganjurkan kursus penulisan minit mesyuarat dan penyediaan laporan untuk anggota Kumpulan PKINK. Seramai 60 anggota dari PKINK dan Syarikat Anak Kumpulan PKINK telah menyertai kursus tersebut.

Kursus yang memakan masa selama dua hari ini bermula 29 – 30 November 2010 telah dikendalikan oleh Puan Azrina Abdullah dari Kukuh Kenari Sdn Bhd. Antara perkara yang diberi penekanan ialah mengenai mesyuarat, iaitu tindakan sebelum mesyuarat, selepas mesyuarat dan penyediaan minit mesyuarat. Manakala pada hari kedua peserta didedahkan kepada cara-cara penulisan laporan secara efektif. Setiap peserta yang berjaya mengikut kesemua kursus tersebut diberi sijil penyertaan oleh Kukuh Kenari Sdn Bhd. 







# Semangat Pahlawan Merah

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU :** Bahang kemeriahan Perlawanan Akhir Piala Malaysia diantara Kelantan menentang Negeri Sembilan dapat dirasai oleh seluruh anak jati Kelantan biarpun dimana berada. Samada di pejabat hatta di kedai kopi sekalipun, rakyat Kelantan sibuk memperkatakan tentang Perlawanan Akhir Piala Malaysia 2010.

Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan melalui Kelab Sukan dan Kebajikan juga tidak ketinggalan untuk merasai debaran perlawanan akhir tersebut dengan menghantar rombongan seramai 13 orang ahli ke Stadium Nasional bukit Jalil untuk memberi sokongan kepada pasukan The Red Warriors.

Tujuan menghantar rombongan ini adalah untuk memberi sokongan disamping menghadiahkan Piala Malaysia ini pada Sultan Muhamad ke-V dan 20 tahun Kerajaan Kelantan dibawah pimpinan Tuan Guru Nik Aziz Nik Mat.

Pada perlawanan Akhir Piala Malaysia malam itu Kelantan telah mencipta sejarah baru dengan menewaskan Negeri Sembilan 2-1 hasil jaringan cantik Hairudin Omar dan Badri Razi.

Tahniah diucapkan diatas kejayaan sang kijang menjinakkan sang rusa dengan kemenangan bergaya. 🏆







# Ahli KSK PKINK Berjaya Harungi Laluan Mencabar

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**KOTA BHARU** – Semangat juang yang tinggi dan kecekalan diri peserta dalam mengharungi berbagai halangan mencabar sepanjang perjalanan KSEDC Kayakthon Series '10 ini sedikit sebanyak dapat menyuntik semangat Jawatankuasa Rekreasi Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK untuk menjadikan acara ini sebagai acara tahunan dalam kalendar aktiviti Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK.

Timbalan Ketua Eksekutif PKINK berkata, dengan semangat kecekalan dan jati diri yang ada pada peserta akan dapat sedikit sebanyak meningkatkan mutu pekerjaan dan mempertahankan diri dari terjebak dengan perkara yang tidak diingini.

Beliau berkata demikian di majlis pelepasan peserta berkayak dalam siri ekspedisi berkayak 2010 bertempat di Sungai Pulau Melaka pada 23 Oktober lalu.

Turut hadir sama Setiausaha Kehormat Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK Ahmad Hilmi Nawawi.

Acara berkayak yang memakan masa selama 2 jam dengan jarak perjalanan sejauh 8 kilometer ini disertai oleh 36 ahli KSK yang berdaftar. Peserta dibahagikan kepada tujuh kumpulan dan dikehendaki menyiapkan tugas mencari harta karun di sepanjang susur sungai yang dilalui. Perjalanan ini bermula di bawah jambatan Sungai Pulau Melaka menuju ke Pantai Sabak sebelum melawan arus berpatah balik semula ke Sungai Pulau Melaka.

Dalam perjalanan menuju ke Pantai Sabak, pelbagai cabaran terpaksa di tempuhi setiap kumpulan untuk mencari harta karun yang tersembunyi di celah-celah denai dan tebing sungai yang mana mereka terpaksa mengerah tenaga dan minda untuk mendapatkan harta karun tersebut.

Belum sempat menghilangkan letih, mereka sekali lagi diuji melawan arus dan kesurutan air sungai apabila



mereka berpatah balik menuju ke garisan penamat.

Semangat kerjasama yang ditunjukkan oleh Kumpulan 3+1 membolehkan mereka menjadi juara mutlak dengan membawa pulang piala pusingan dan barangan iringan yang disampaikan oleh Setiausaha Kehormat Kelab Sukan dan Kebajikan

PKINK, Ahmad Helmi Nawawi

Kumpulan 7 hanya berpuas hati di tempat kedua dengan membawa pulang barangan iringan diikuti kumpulan 5 di tempat ketiga.

Biarpun terpaksa mengerah keringat, namun keceriaan dan kepuasan jelas terpancar di wajah peserta.





# Memburu Kelah Di Tasik Kenyir

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat

**TASIK KENYIR :** Apa yang istimewa di Tasik Kenyir? mungkin itu lah persoalan yang berlegar-legar di fikiran bagi sesiapa yang belum berpeluang ke Tasik Kenyir. Tasik Kenyir ini sinonim dengan ikan-ikan sungai yang liar dan hampir pupus. Namun, bagi bukan kaki pancing, mungkin keindahan semulajadi yang tersendiri ciptaan Yang Esa merupakan daya tarikan ke sini.

Bila diperkatakan tentang bermalam di Tasik Kenyir yang tiada kemudahan teknologi, ramai yang tidak kesanggupan untuk tinggal sehari dua di dalam hutan dan tasik yang terputus dengan dunia luar.

Mungkin kerana terlalu taksud dengan segala teknologi canggih atau kerana terlalu manjakan diri dengan segala kemudahan yang ada kini, kadang kita lupa diri. Bila sesekali kita meredah hutan, kita akan menghargai apa yang kita ada sekarang. Dan kita juga belajar erti kesusahan untuk mendapatkan sesuatu. Tapi itu sebahagian pengalaman hidup yang mendewasakan kita. Mungkin juga ilmu



yang kita dapat semasa berada di dalam hutan dan di tasik ini mengajar kita cara untuk 'survive', hidup bekerjasama, sabar dan pelbagai nilai murni yang lain.

Itulah yang cuba diterapkan oleh Jawatankuasa Rekreasi Kelab Sukan dan Kebajikan PKINK dalam diri setiap ahli dengan mengadakan Program Jom Pancing @ Tasik Kenyir di Sungai Kiang, Tasik Kenyir pada 1 hingga 2 Oktober lalu.

Seramai 30 orang ahli KSK-PKINK menyertai pengembaraan yang berharga ini dengan menempah 2 buah "Boat House" untuk merasai bermalam di tasik buatan manusia yang terbesar di Asia Tenggara.

Kesemua ahli yang menyertai program ini bukan sekadar untuk memancing tetapi untuk merasai keseronokan beriadah setelah seharian bertungkus lumus dengan bebanan kerja.

Keletihan peserta setelah meredah perjalanan yang panjang akhirnya terbalas apabila berjaya menjinakkan kelah, baung, lampam, toman dan belida dalam masa kurang daripada sejam selepas melabuhkan joran masing-masing.

Tidak puas dengan memancing di atas boat, sebahagian peserta mengharungi anak sungai untuk menawan lubuk kelah. Ketika dalam perjalan ke lubuk kelah mereka dikejutkan dengan kehadiran "pak belang" dan gajah yang sedang melintas anak sungai tersebut. Biarpun terkejut dengan kehadiran tetamu yang tidak diundang itu, mereka tetap meneruskan niat untuk menguasai lubuk tersebut.

Setelah dua hari berada di bawah terik matahari serta terputus dengan dunia luar, niat untuk menawan ikan yang menjadi idaman setiap pemancing termakbul jua. Pengalaman dua hari itu cukup memberikan sesuatu yang menarik untuk dikongsi dan jelas terpancar kepuasan dan keceriaan di wajah masing-masing biarpun kepenatan membelenggu diri.








## Merokok Membahayakan Kesihatan Jantung

Oleh: A. Ubaidillah Alias

**PADA** 14 Oktober 2010 pihak PKINK telah menjemput seorang doktor pakar perunding perubatan dan kardiologi, Jabatan Perubatan, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu Kelantan. Beliau adalah Dr Mansor bin Yahya, seorang yang berpengalaman dalam pembedahan jantung.

Beliau menerangkan jenis serangan jantung yang biasanya menyerang pesakit. Mengikut statistik yang dipaparkan beliau mendedahkan bahawa kematian yang berpunca daripada sakit jantung kian meningkat sejak akhir ini. Bagi mengelakkan serangan jantung secara mengejut, beliau menerangkan beberapa tips yang boleh diamalkan pada setiap masa. Antaranya ialah berhenti mengamalkan tabiat merokok sebelum terlambat.

Menurut beliau, kebiasaan serangan jantung amat berisiko tinggi membawa kematian mengejut. Oleh yang demikian, pencegahan awal perlu diambil sebelum keadaan menjadi lebih kritikal. Amalkan pemakanan yang seimbang dan banyakkannya mengamalkan senaman fizikal. Dengan cara itu, ia bukan sahaja memberikan kesihatan kepada jantung malah dapat mencegah daripada terkena penyakit kencing manis, darah tinggi dan seumpamanya.


Beliau juga mengesyorkan agar seluruh anggota PKINK mengamalkan gaya hidup sihat, khususnya dengan mengikuti sunnah yang diajarkan oleh Rasulullah. Beliau sendiri yakin percaya, dengan gaya hidup Islam akan mendatangkan banyak kebaikan kepada kesihatan jantung. 

## Kejohanan Sukan Anjuran KSK PKINK

Oleh: Tengku Petra Tengku Wook

**KELAB** Sukan dan Kebajikan PKINK meneruskan aktiviti tahunannya dalam program sukan. Dalam aktiviti Sukan Perpaduan (SUKPA) yang telah bermula pada bulan Julai diteruskan dengan acara perlawanan tenis pada 9 Oktober 2010 bertempat di gelanggang tenis, Kompleks Sukan Perdana. Dalam acara tersebut Pasukan Ibu Pejabat B muncul johan dan Pasukan PKB A naib johan.

Pada 13 Oktober Pasukan Ibu Pejabat A pula muncul johan dalam acara ping pong yang telah diadakan di Bilik Sukan Tingkat 6, Bangunan PKINK, manakala Pasukan Ibu Pejabat B naib johan. Kejohanan SUKPA diteruskan dengan acara Boling pada 12 Disember yang diadakan di Perdana Superbowl, Kompleks Sukan Perdana. Dalam acara ini, Pasukan PKB B telah muncul sebagai johan dan Pasukan Ibu Pejabat A naib Johan.

Selain Kejohanan SUKPA, kejohanan individu juga telah bermula. Kejohanan ini terbuka kepada semua ahli-ahli KSK PKINK yang akan bertanding dalam acara perseorangan dan beregu dalam berbagai acara sukan yang akan dianjurkan. Sebagai membuka tirai acara kerom perseorangan dan beregu telah diadakan pada 4 Disember dan 11 Disember 2010. Banyak lagi acara-acara sukan lain yang akan menyusul nanti. 







# Ekspo Bertani Satu Ibadah Peringkat Jajahan Tumpat

**TUMPAT** - Kempen Bertani Satu Ibadah telah melabuhkan tirai untuk tahun 2010 dengan mengadakan Ekspo Bertani Satu Ibadah di peringkat Jajahan Tumpat.

Ekspo anjuran Jawatankuasa Pertanian, Industri Desa dan Bioteknologi ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Ahmad Yakob di Padang Pasir Pekan pada 30 Disember lalu.

Bersempena dengan Ekspo Bertani Satu Ibadah Peringkat Jajahan Tumpat, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) sekali lagi menyertai dan menjayakan ekspo yang mempamerkan aktiviti-aktiviti utama dalam sektor-sektor pertanian, peladangan dan pembangunan hartanah.

Objektif program ini ialah untuk menyuburkan lagi pemahaman rakyat di Jajahan ini terutamanya petani dan penternak terhadap konsep Bertani Satu Ibadah. Selain itu, memberi peluang kepada golongan petani dan penternak jajahan ini untuk mempamerkan kejayaan atau kemampuan yang dicapai atau dirancang dalam pelbagai aspek pertanian kearah mewujudkan golongan petani dan penternak komersil dan berkualiti.

Di samping itu, dapat mempromosikan hasil-hasil pengeluaran tempatan atau jajahan masing-masing dalam bidang pertanian,



makanan, industri desa, industri asas tani dan agro pelancongan seterusnya memberi pendedahan kepada masyarakat tentang teknologi yang boleh di gunapakai oleh petani-petani di samping mendedahkan pengetahuan dan teknologi terkini bagi peningkatan pengeluaran.

Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad, sebuah anak syarikat PKINK yang terlibat dalam sektor pertanian juga tidak ketinggalan terlibat secara langsung dalam menjayakan ekspo ini.

Pelbagai acara ditampilkan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang lain antaranya Pameran Agensi Kerajaan, kuiz agensi Kerajaan, pameran ternakan, jualan hasil pertanian, promosi jualan buah-buahan dan pertandingan mewarna kanak-kanak yang turut dianjurkan oleh PKINK.





# Kepimpinan Dalam Islam

Oleh: Nik Mohamed Kamal Nik Yusoff

**SABDA** Rasulullah saw *"Apabila berangkat tiga orang dalam perjalanan maka hendaklah mereka melantik salah seorang daripada mereka menjadi ketua"*. Hadith menunjukkan dengan jelas keperluan terhadap pemimpin.

Marilah kita sama-sama berkongsi pengalaman / tips untuk menjadi pemimpin, tidak kiralah peringkat mana pun kita memimpin, kita tetap seorang pemimpin. Sabda Rasulullah saw *"Setiap kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab ke atas pimpinannya"*

## **TIPS PERTAMA : MEMPUNYAI JIWA YANG KUAT / KENTAL**

Sebagai manusia kita dikurniakan emosi, ada waktu semangat kita lemah dan kita juga mahu mengadu nasib serta berkongsi masalah. Oleh itu, kita akan mengadu nasib kepada pemimpin yang berjiwa kuat dan pemimpin yang berjiwa kuat akan mengadu nasib kepada yang Maha Kuat. Untuk jiwa kental pula, mestilah terpaksa melalui banyak dugaan seperti ada sedih, ada sakit barulah jiwa kental. Dalam islam pula, ada cara-caranya untuk melatih jiwa menjadi bersedia untuk kuat.

Rasulullah pemimpin yang agung berjiwa kuat. Sahabat berasa selamat bersama baginda. Dengan meluahkan masalah mereka merasa sudah selesai masalah biarpun masih terkurung dengan masalah. Melihat wajah Rasulullah sahaja sudah terlerai satu masalah dalam jiwa. Jika bertemu dan berbincang dengan pemimpin berjiwa kental mungkin akan mendapat idea untuk selesaikan masalah.

## **TIPS KEDUA : MEMPUNYAI JIWA YANG BERANI**

Berani bermaksud bersedia menghadapi risiko. Dari sudut Islam, kita berani bukan berani mendapatkan risiko tapi berani untuk berada disekeliling risiko. Risiko kadang kala besar kadang kala kecil. Perbezaan menjadi pemimpin besar dengan orang yang memimpin kelompok kecil adalah tahap keberanian untuk berdepan dengan risiko yang ada.

Keberanian mesti ditanam dalam diri dan mestilah dilatih. Hanya orang yang berani boleh menjadi pemimpin kerana tanpa keberanian bagaimana orang mahu berlindung di bawah panji-panji kita.

Rasulullah ialah seorang yang berani berjuang kerana berani mendepani libasan pedang-pedang serta penahan musuh yang tajam. Berani berjuang bertarung nyawa memimpin angkatan perang orang-orang Islam dan berani mengangkat pedang dan tombak memerangi musuh di medan pertempuran. Kita pula mestilah menanam keberanian untuk melawan nafsu. Kalah seorang perjuang bukan kerana ditikam dengan pedang tetapi kerana ditikam oleh nafsunya sendiri.



## **TIPS KETIGA : MENGUASAI EGOISME**

Pemimpin yang berwibawa ada egonya. Egoisme bukan bererti ego, angkuh atau sombong tetapi bererti memiliki efikasi diri yang tinggi. Untuk mengetahui seseorang itu ada ego yang kuat atau tidak ia akan merasai perasaan yang kurang enak apabila dikritik dan bila berbicara ia sedikit sebanyak ingin menonjolkan kelebihan dirinya. Untuk menjadi pemimpin yang baik, kita hendaklah bijak dalam mengawal ego.

Egoisme boleh membuahkan keberanian dan kekuatan. Tanpa ego anda tidak berani berdepan dengan musuh-musuh hebat dan anda tidak berani mengetuai sesuatu organisasi dengan baik. Kadang kala egoisme juga boleh membuatkan anda hanya mahu mempamerkan kehebatan anda bila bercakap. Ini menyebabkan orang lain bosan dan mungkin ada yang menyampah dengan anda terutama rakan-rakan anda. Belajarlah mengawal sikap rendah diri kerana dengan rendah diri sesama manusia tidak semestinya jatuh kepimpinan anda.

Ingatlah merendahkan diri sesama insan, merendahkan hati dengan Allah; Allah akan naikkan anda pada mata orang lain dan Allah akan angkat pandangan manusia kepada kita.

## **TIPS KEEMPAT : BERTANGGUNGJAWAB**

Dari sudut Islam kepimpinan adalah tanggungjawab. Tidak kiralah anda berada di peringkat mana, anda bertanggungjawab terhadap apa yang anda pimpin. Serendah-rendah tahap pemimpin adalah hanya mampu memimpin diri sendiri. Jangan memimpin dengan nafsu kerana kalau nafsu yang memimpin maksudnya kita semua tidak layak jadi pemimpin. Sikap bertanggungjawab merupakan sikap utama bagi pemimpin. Oleh itu, jangan sesekali mengamalkan sikap lepas tangan terutama ketika dilanda masalah.





## **TIPS KELIMA : MESTI BOLEH KAWAL ORANG BUKAN KONGKONG ORANG**

Asas utama pemimpin yang bagus ialah boleh kawal orang dan mampu satukan ahli-ahli dalam organisasi supaya objektif organisasi tercapai. Didalam organisasi berlaku banyak konflik yang mesti dikawal oleh pemimpin. Pemimpin yang gagal biasanya akan gagal dengan konflik dalam organisasi.

Keunggulan Rasulullah saw sebagai pemimpin terulung merupakan satu fakta yang tidak dapat disanggah oleh sesiapa pun. Baginda memiliki ciri-ciri pemimpin sejati dan baginda (dengan bantuan Allah) telah memimpin umat Islam menuju kecemerlangan. Disamping itu juga kita boleh mencontohi para sahabat Rasulullah saw seperti Abu Bakar As-Siddiq, Umar Al-Khattab, Saidina Uthman mahupun Saidina Ali.

## **APAKAH CIRI-CIRI UTAMA YANG DIMILIKI MEREKA?**

### **1. BERIMAN DAN ADIL**

Keimanan yang utuh akan menjelmakan peribadi yang luhur. Keadilan pula akan membentuk suasana yang murni untuk kesejahteraan bersama.

### **2. MENGENALI DAKWAH**

Pemimpin sebenar adalah seorang daie yang bertanggungjawab menyeru umat ke arah penghayatan Islam yang sebenar. Peranannya menjadi lebih berkesan dan matlamatnya untuk melahirkan generasi yang menjadikan Islam sebagai landasan hidup akan lebih mudah tercapai jika pemimpin menampilkan imejnya sebagai murabbi yang baik.

### **3. MENGENALI JIWA**

Kewajipan pemimpin adalah mengetahui sudut-sudut kekuatan dan kelemahan yang ada pada dirinya. Seorang pemimpin mestilah mengetahui titik kelemahannya lalu memperbaikinya. Selain itu, ia juga perlu memberi perhatian dengan mengkaji peribadi pemimpin Islam dan bukan Islam untuk mengetahui cara kepimpinan mereka dan faktor kejayaan atau kegagalan mereka.

### **4. PERHATIAN KEPADA ORANG BAWAHAN**

Perhatian yang diberikan adalah mengenali mereka sekadar yang perlu dan mengambil tahu hal ehwal mereka. Bersungguh-sungguh mencari penyelesaian bagi masalah mereka. Jika seorang pemimpin bersikap dingin terhadap orang bawahannya hubungan akan menjadi tidak intim.

### **5. TELADAN YANG BAIK**

Pemimpin adalah model yang baik untuk diikuti dan dicontohi setiap perbuatannya mempunyai pengaruh yang berkesan kepada pengikutnya. Rasulullah merupakan teladan yang amat baik untuk dicontohi seluruh umat manusia.

### **6. PANDANGAN YANG TAJAM**

Mempunyai kemampuan dalam melakukan penyiasatan yang cepat dan tepat bagi setiap masalah serta mengambil keputusan yang tegas dalam pelbagai situasi dan keadaan. Sikap teragak-agak, kabur, resah dan tidak tegas boleh mencetuskan keadaan

kucar-kacir dan menyebabkan hilang kepercayaan daripada orang bawahan.

### **7. KEMAHUAN DAN KEKUATAN**

Kemahuan dan kekuatan adalah rukun dalam keperibadian pemimpin supaya kepayahan dapat diatasi. Pemimpin memerlukan tekak yang kuat dan tidak mempedulikan segala tribulasi yang mendatang.

### **8. HIKMAH DAN MATANG DALAM TINDAKAN**

Pemimpin merupakan tempat rujuk untuk menyelesaikan masalah. Oleh itu, pemimpin haruslah menunjukkan kematangan dalam memberi pendapat untuk membuat keputusan. Semua tindakan mestilah positif dan berkesan serta perlaksanaannya tidak bercanggah dengan syariat.

### **9. OPTIMISME**

Optimisme merupakan dasar penting bagi peribadi pemimpin. Pemimpin harus bersifat optimisme dan berlapang dada. Sikap berputus asa boleh menyebabkan keruntuhan dan memusnahkan kehidupan orang perseorangan dan kumpulan-kumpulan tertentu.

### **10. MENGAMAL SYURA**

Perlaksanaan syura melambangkan sikap terbuka seorang pemimpin dalam menentukan mauqif dan pendirian secara bersama. Melalui syura juga keputusan yang dibuat adalah lebih baik kerana wujud gabungan idea antara pemimpin dan pihak lain.

### **11. KOMBINASI NILAI UMARA' DAN ULAMA'**

Umara' ialah golongan yang wajib ditaati seperti yang dituntut dalam Al-quran kerana ia menepati syariat Islam. Ulama' ialah setinggi-tinggi darjat manusia kerana ia pewaris nabi. Ciri-ciri umara' dan ulama' perlu diintegrasikan untuk melahirkan impak kepimpinan yang mantap.

### **12. DAYA TARIKAN SEMULAJADI**

Merupakan tabie yang ada pada diri untuk menarik hati orang lain tanpa usaha yang banyak. Muka manis dan sikap yang peramah merupakan penarik zahariah yang kuat pengaruhnya.

Kesimpulannya untuk membina ciri-ciri unggul seperti di atas, tiga perkara ini perlu diberikan penekanan serius oleh setiap pemimpin; Kebersihan jiwa dan rohani, Kebersihan badan dan kekuatannya serta Keupayaan mental dan fizikal. Kepimpinan merupakan taklif syarie yang sangat besar peranan dan kedudukannya dalam kehidupan manusia di muka bumi ini. Individu yang diamanahkan sebagai pemimpin perlu melengkapkan diri dengan pelbagai bekalan kepimpinan yang ditunjangi dengan keikhlasan semata-mata mencari keredhaan Allah. Semoga amanah kepimpinan yang dipegang dapat menjadi amal soleh dan mendapat ganjaran yang setimpal daripada NYA.

Petikan Artikel Asal Dari : <http://www.scribd.com/doc/2158496/KEPIMPINAN-DALAM-ISLAM> dan <http://halaqah.net/v10/index.php?topic=58.0>





# Berhijrah Kepada Allah (Tazkirah Hijrah)

Allah Taala berfirman yang bermaksud :

**"Sesungguhnya aku berhijrah kepada Tuhan-ku." (Surah Al-Ankabut : Ayat 26).**

Hijrah seringkali dikaitkan dengan transformasi atau perubahan. Kebanyakan orang mahu memulakan sesuatu transformasi atau perubahan di awal tahun ataupun bersempena sesuatu tarikh tertentu. Maka, perubahan itu menjadi tertangguh dan lewat. Apabila tiba waktu yang dijanjikan, tiba-tiba dia disibukkan dengan perkara lain. Maka, hajat untuk berubah tidak mampu dilaksanakan. Sepatutnya, apabila kita mahu melakukan hijrah atau perubahan, maka ia perlu mengikut tiga perkara ini.

**1** Lakukan ia segera atau sekarang. Jangan menunggu minggu depan atau bulan depan. Atau menanti sesuatu tarikh tertentu. Kerana mati boleh datang bila-bila masa sahaja.

**2** Mulakan perubahan pada perkara-perkara yang kecil terlebih dahulu, barulah membuat perubahan pada perkara yang besar. Yang penting amalan perlu istiqamah.

**3** Lakukan perubahan dalam diri kita terlebih dahulu sebelum kita mengubah keluarga ataupun rakan sekerja.

Selain daripada itu, kebanyakan orang tidak tahu apakah fokus utama dalam penghijrahan. Rata-riti masyarakat sekarang hanya memikirkan perubahan dari aspek prasarana, sosial dan material. Mereka mahu kehidupan miskin menjadi kaya, kehidupan susah menjadi senang. Mereka tidak pernah memikirkan perubahan dari aspek agama. Tidak bercita-cita menggandakan amalan ataupun kebajikan. Kerana mereka sebenarnya tidak tahu mahu ke mana.

## HIJRAH ILMU

Kalau mahu ke bandar, perlu tahu ke mana arah laluan. Agar tidak tersalah tuju ke hutan atau pantai. Jika mahu membina masjid, perlu ada lukisan pelannya. Agar pembinaan itu tidak bertukar menjadi rumah ataupun kedai. Begitu juga dengan perubahan yang ingin dilakukan, perlu jelas bentuk dan perkara yang mahu diubah. Di sini, kita memerlukan ilmu.

Ada yang berkata "Kita perlu meninggalkan dosa dan maksiat". Tetapi dalam masa yang sama orang yang bertutur itu tidak tahu apakah definisi dosa mahupun maksiat. Apakah dosa kecil dan dosa besar. Apakah maksiat panca indera dan anggota tubuh badan? Akibat kejahilan, semuanya jadi porak peranda.

Nabi SAW bersabda **"Sesiapa mahukan dunia maka dia perlu menuntut ilmu, barangsiapa mahukan akhirat maka dia perlu menuntut ilmu, barangsiapa mahukan kedua-duanya maka dia perlu menuntut ilmu"**

Ilmu yang perlu ditekankan pula perlulah secara spesifik. Bukan dipilih mengikut

sesedap rasa. Nabi SAW bersabda lagi : **Ilmu itu ada tiga (selain daripada itu ia dianggap tambahan sahaja) iaitu ilmu berkaitan ayat-ayat hukum (yang jelas maksudnya), sunnah yang diamalkan (oleh para nabi) dan ketetapan (ilmu Fardhu) yang seimbang (dengan al-Quran dan sunnah).**

Hadis ini jelas dan terang menekankan bahawa ilmu agama itu adalah asas keperluan seorang manusia untuk menjalani hidup di muka bumi. Namun, malangnya ramai orang mengutamakan ilmu akademik melebihi daripada ilmu agama. Ada pula yang mengutamakan ilmu fardhu kifayah daripada ilmu fardhu ain. Ada pula yang melebihkan amalan yang harus daripada amalan yang sunat. Lebih parah lagi, ada yang melebihkan amalan sunat di atas amalan yang wajib. Akhirnya, mereka mengejar sesuatu bayangan yang sia-sia dan melepaskan sesuatu hakikat yang sebenarnya penting bagi mereka.

Begitu juga dalam konteks material. Ramai orang mengutamakan duit daripada pahala. Mereka beranggapan duit adalah raja dan segala-galanya. Lalu tidak merasa berhajat kepada pahala mahupun bekalan akhirat. Ini adalah contoh-contoh sikap





manusia yang akan menyesal di akhirat. Akibat kejahatan mereka, akhirnya mereka kembali kepada Allah dalam keadaan miskin papa kedana.

Paling menyedihkan, ramai orang mengutamakan populariti daripada hukum. Sebagai contoh, ramai wanita sanggup membuka aurat demi memakai pakaian yang dianggap cantik dan berjenama. Dalam masa yang sama melupakan akibat dosa dan juga fitnah zina. Ramai yang sanggup ubah gaya dan penampilan sekalipun menyalahi syariat, demi mengikut trend mahupun gaya hidup manusia zaman sekarang.

Lemahnya daya fikir (mentaliti) umat ini ada hubungkaitnya dengan kelemahan dalam penguasaan ilmu dan pengetahuan.


Antaran itu maka umat Islam tidak berupaya mengatasi mainan dan tipu muslihat musuh. Malah tidak mampu menilai sesuatu budaya itu positif atau negatif. Tidak hairan apabila di kalangan remaja muslim mudah terjebak dengan berbagai unsur negatif dalam kehidupan.

## HIJRAH AMAL

Ramai orang hanya berangan-angan mahu melakukan kebaikan, tetapi tidak melakukan kebaikan itu apabila peluang sudah muncul. Kenapa? Kerana tidak ada kekuatan mahupun kesungguhan. Apakah ertinya kereta yang mahal jika tidak pernah dipandu. Apakah ertinya makanan jika sekadar dilihat dan tidak dapat dimakan? Demikian juga apakah ertinya ilmu, jika tidak dibuktikan dengan amalan?

Ilmu perlu disusuli dengan amalan. Amalan itu akan menaikkan syiar Islam dan memperkukuhkan lagi kefahaman kita terhadap sesuatu ilmu. Nabi SAW bersabda "**Sebaik-baik amal ialah yang berkekalan biarpun sedikit.**". Tetapi sabda baginda itu bukan menganjurkan agar mengurangkan amal. Ia membawa


**Ilmu itu ada tiga (selain daripada itu ia dianggap tambahan sahaja) iaitu ilmu berkaitan ayat-ayat hukum (yang jelas maksudnya), sunnah yang diamalkan (oleh para nabi) dan ketetapan (Ilmu Fardhu) yang seimbang (dengan al-Quran dan sunnah).**



pengertian perbandingan. Yakni amalan sedikit yang istiqamah itu lebih baik berbanding dengan amalan yang banyak tidak istiqamah. Tentulah maksudnya akan lebih baik lagi sekiranya amalan itu banyak beserta istiqamah.

Masa yang berlalu tidak akan kembali lagi. Masa yang mendatang sentiasa bertambah hampir. Oleh itu kita mestilah membuat "count down" terhadap usia kita menuju ajal. Dan tiada siapa tahu bila saatnya menemui ajal. Rasulullah SAW hanya memberi amaran melalui sabdanya yang bermaksud, "**Ingat lima**

**perkara sebelum datang lima perkara iaitu ketika muda sebelum datangnya tua, masa lapang sebelum datangnya sibuk, masa senang sebelum datang susah, masa sihat sebelum datang sakit, semasa hidup sebelum datangnya mati**".

Mudah-mudahan, peringatan Rasulullah SAW tersebut dapat mendorong umatnya meningkatkan amalan kebajikan sebelum datangnya saat di mana tiada lagi peluang untuk beramal terutamanya apabila kedatangan ajal. Peningkatan amal ini wajar berlaku selaras dengan peningkatan usia. 





# Mengadu Domba Dosa Besar

Oleh Ustaz A. Ubaidillah Alias

Bismillahirrahmanirrahim,

**Kerana pulut, santan dirasa,  
Kerana mulut, badan binasa.**

Pepatah itu jelas memberitahu bahawa tidak menjaga lidah. Kerana manusia rata-rata suka bercakap perkara sia-sia dan merugikan diri sendiri. Apa yang lebih menakutkan, akibat lidah juga manusia dicampak ke dalam neraka Allah SWT. Na'uzubillah. Kali ini, kita akan memperdalamkan satu dosa besar iaitu 'Mengadu Domba' yang juga disebut sebagai 'Batu Api' atau 'Mami Jarum'.

Secara terperinci, mengadu domba merupakan perbuatan yang mengakibatkan persengketaan dan perbalahan antara dua belah pihak. Menyampaikan cerita atau percakapan satu pihak

Mengadu domba adalah maksud dari perkataan Arab an-namimah. An-namimah berasal dari perkataan an-namma yang bererti mengeluarkan berita dengan tujuan menghasut. Dalam kitab al-Mausu'ah al-Fiqhiah al-Muyassarah, an-namimah bermaksud memindahkan atau menyampaikan berita pada orang lain dengan tujuan yang tidak baik.


kepada pihak yang lain dengan tujuan yang tidak baik sehingga menimbulkan perasaan tidak senang di hati pihak yang lain, dan akhirnya membawa kepada perselisihan faham antara kedua belah pihak. Ia juga sama dengan menabur fitnah.

Dalam peristiwa Isra' dan Mi'raj, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah menyaksikan segolongan lelaki dan wanita yang memotong satu potongan daging daripada salah seorang dari mereka. Kemudian mereka meletakkan potongan daging tersebut pada mulut salah seorang dari mereka dan berkata kepadanya: "Makanlah sepertimana yang aku makan". Nabi Shallallahu 'alaihi wassalam bertanya: "Wahai Jibril, siapakah mereka itu?" Jibril 'alaihisalam menjawab: "Mereka inilah pengumpat, pencela serta pengadu domba".

Mengadu domba adalah maksud dari perkataan Arab an-namimah. An-namimah berasal dari perkataan an-namma yang bererti mengeluarkan berita dengan tujuan menghasut. Dalam kitab al-Mausu'ah al-Fiqhiah al-Muyassarah, an-namimah bermaksud memindahkan atau menyampaikan berita pada orang lain dengan tujuan yang tidak baik.

## Hukum Mengadu Domba

Ulama bersepakat bahawa mengadu domba termasuk antara dosa-dosa besar. Imam al-Ghazzali Rahimahullah menyatakan bahawa mengadu domba adalah dilarang kerana ianya







Perbuatan yang dianggap mendedahkan sesuatu perkara itu adalah samada dengan kata-kata atau dengan tulisan atau dengan isyarat atau dengan gerak-geri, samada yang disampaikan itu daripada perbuatan atau percakapan, samada ianya tentang keaiban atau kekurangan pada diri orang yang dikatakan.

mendedahkan sesuatu perkara yang tidak boleh didedahkan samada perkara itu tidak disukai oleh orang yang mengatakannya atau orang yang mendengarnya atau tidak disukai oleh orang yang ketiga (orang yang dikatakan).

Perbuatan yang dianggap mendedahkan sesuatu perkara itu adalah samada dengan kata-kata atau dengan tulisan atau dengan isyarat atau dengan gerak-geri, samada yang disampaikan itu daripada perbuatan atau percakapan, samada ianya tentang keaiban atau kekurangan pada diri orang yang dikatakan.

Walau bagaimanapun jika dengan menceritakan sesuatu perkara itu mendatangkan faedah kepada orang Islam atau dapat mencegah daripada berlakunya maksiat, maka tidaklah menjadi kesalahan jika dimaklumkan kepada yang lain. Contohnya: jika dia melihat seseorang mengambil harta orang lain, maka hendaklah dia menjadi saksi bagi melindungi hak orang yang empunya harta tersebut. Namun jika tujuan sebaliknya, perkara menceritakan hal atau percakapan orang lain dianggap sebagai mengadu domba.

### **Balasan Mengadu Domba**

Mengadu domba merupakan salah satu daripada dosa-dosa besar kerana perbuatan ini akan mengakibatkan perkelahian antara dua belah pihak. Maka oleh kerana itu Allah Subhanahu wa Taala telah menjanjikan balasan azab yang pedih kepada golongan pengadu domba.

1. Firman Allah SWT yang menggambarkan tentang kecelakaan dan penghinaan bagi pengadu domba :

Tafsirnya: **"Kecelakaan besar bagi tiap-tiap pencaci dan pengeji."** (Surah Humazah: 1)


Penghinaan, azab serta kebinasaan dari Allah Subhanahu wa Taala bagi golongan pencaci dan pengeji. Pencaci dan pengeji menurut Ibnu Abbas Radhiallahu 'anhu: orang yang suka mengadu domba, merosakkan kasih sayang (sesama manusia) dan penzalim yang membuka keaiban (orang lain).

2. Firman Allah Subhanahu wa Taala lagi:  
Tafsirnya: **"Yang suka mencaci lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk menjahilkan orang ramai)."** (Surah al-Qalam: 11-13)

Maksud ayat di atas ialah golongan yang suka mencaci dan menyebarkan fitnah untuk merosakkan orang lain dan ini tergolong di dalam perbuatan mengadu domba. Golongan ini tidak akan memasuki syurga sebagaimana yang diriwayatkan oleh Huzaifah Radhiallahu 'anhu, bahawa beliau mendengar Rasulullah Shallallahu 'alaihi wassalam bersabda: Maksudnya: **"Tidak masuk syurga orang yang suka mengadu domba"** (Hadis riwayat Muslim)

3. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan dari sahabat, Ibnu Abbas Radhiallahu 'anhuma, bahawa Rasulullah Shallallahu





**“Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menyebabkan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”**

tiada pada ketika itu. Firman Allah Subhanahu wa Taala:

Tafsirnya: **“Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang), kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa.”** (Surah al-Hujuraat: 12)

5) Tidak perlu memperbesar-besarkan apa yang disampaikan kepada kamu dengan mengintip atau mencari (keburukan) untuk memastikan (apa yang disampaikan), sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Taala:

Tafsirnya: **“Dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan dan keaiban orang.”** (Surah al-Hujuraat: 12)

6) Jangan kamu menerima apa yang kamu sendiri tidak suka dan melarang dari perbuatannya. Dan jangan disampaikan pula cerita tersebut pada yang lain, contohnya kamu berkata: “Si Fulan memberitahu kepadaku begini”. Perkara seumpama ini juga dianggap sebagai mengadu domba dan mengumpat. Maka dalam keadaan ini, kamu sendiri melakukan apa yang kamu sendiri melarang (orang lain melakukannya).

Peliharalah lidah daripada melakukan perkara-perkara yang ditegah oleh syariat, seperti mengadu domba atau menyebarkan fitnah kerana ia merosakkan perhubungan sesama insan. Takutlah terhadap balasan mengadu domba itu. Balasannya adalah api neraka sebagaimana yang diperlihatkan kepada Nabi Shallallahu ‘alaihi wassalam pada malam Isra’ dan Mi’raj.

‘alaihi wassalam berjalan pada suatu tempat lalu mendengar suara dua orang yang sedang disiksa di dalam kuburnya. Maksudnya: “Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wassalam bersabda: **“Dua orang (yang berada dalam kubur ini) disiksa, tapi bukan disiksa kerana melakukan dosa besar.”**

Baginda Shallallahu ‘alaihi wassalam bersabda: **“Ya, salah seorang daripada keduanya itu tidak bersuci dengan bersih setelah berkencing, sementara yang satu pula berjalan (di kalangan manusia) dengan mengadu domba”.** (Hadis riwayat al-Bukhari)

Bedasarkan al-Qur’an dan hadis Nabi Shallallahu ‘alaihi wassalam, mengadu domba itu adalah haram dan neraka adalah tempat mereka sebagai balasan daripada Allah Subhanahu wa Taala. Adalah menjadi kewajipan kita untuk tidak melakukan perbuatan tersebut dan menolak jika di datangi oleh golongan yang suka melakukan sedemikian.

### **Cara Menolak Jika Didatangi Oleh Pengadu Domba**

1) Jangan mempercayainya, kerana orang yang suka mengadu domba adalah orang yang fasik. Orang yang fasik ialah orang yang ditolak kesaksiannya (syahadah). Allah Subhanahu wa Taala

berfirman:

Tafsirnya: **“Wahai orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini dengan sebab kejahilan kamu mengenainya sehingga menyebabkan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan.”** (Surah al-Hujurat: 6)

2) Melarangnya supaya tidak mengadu domba dan menasihatinya serta mencela perbuatannya itu sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Taala:

Tafsirnya: **“Suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah dari melakukan perbuatan yang mungkar.”** (Surah al-Luqman:17)

3) Hendaklah membenci perbuatan mengadu domba itu kerana Allah Subhanahu wa Taala. Sesungguhnya perbuatannya itu sangat dibenci oleh Allah Subhanahu wa Taala. Maka wajib kita membenci perbuatannya sebagaimana Allah Subhanahu wa Taala membenci perbuatan tersebut.

4) Janganlah bersangka buruk terhadap sesama saudara dalam Islam yang





# Bagusnya Bersemuka

Oleh Ustaz A. Ubaidillah Alias

Assalamualaikum wrt wbt...

Dato, Datin, Tuan, Puan, dan seluruh rakan PKINK sekalian...

Hidup ini dihidangkan dengan 1001 masalah. Sudah tentu sebahagian besar masalah adalah melibatkan manusia. Setiap hari kita berurusan dengan pelbagai manusia, rambut sama hitam tetapi hati lain-lain. Ada yang berwajah manis, berbedak putih dan bergincu. Ada yang bermuka sebal dan bersempudal. Namun, tiada siapa boleh menduga hati budi seseorang dalam satu imbasan. Tiada siapa yang boleh mengerti secara spontan apa yang tersimpan dalam fikiran orang.

Lain padang, lain belalang. Lain orang maka lain ragam. Oleh yang demikian, Allah menjadikan manusia akal dan lisan untuk berkomunikasi. Allah juga menjadikan mata untuk manusia saling melihat dan berinteraksi. Supaya wujudnya kesefahaman dan lahirnya



kesepakatan.

Setiap hari kita akan menemukan pelbagai masalah dengan rakan sekerja, lalu kita akan cuba mencari penyelesaian. Tindakan penyelesaian itu selalunya tidak sama bagi setiap individu. Di sini akan timbul banyak cara dalam penyelesaian, namun cara yang paling baik ialah dengan bersemuka atau bertemu mata. Dengan pertemuan empat mata, komunikasi lebih telus antara kedua pihak serta tidak ada campur tangan pihak ketiga. Maka salah faham mampu dielakkan.

Apa yang unik, masih ada segelintir manusia yang tidak suka bersemuka. Tidak suka bertemu mata. Sebaliknya dia lebih suka mencari pihak ketiga dan keempat untuk mengadu masalah yang timbul. Dia beranggapan dengan bersemuka akan menyusahkan lagi masalah tersebut. Ini adalah sikap yang salah, ia biasanya wujud dalam fikiran mereka yang sempit dan tidak matang.

Sebarang masalah yang timbul berkaitan dua pihak, maka sepatutnya tidak perlu melibatkan pihak ketiga atau keempat. Berbicara secara bersemuka itu lebih senang jika dibuat dalam kelompok yang kecil. Kerana ia lebih fokus dan jelas. Tidak ada banyak sudut pandang serta lebih mudah mencari kesefahaman. Dengan bersemuka akan berlaku proses komunikasi dan dialog yang menjurus kepada penyelesaian masalah. Dari situ, kita mampu mencari





titik selisih dan perbezaan, kemudian kita perbaiki dan satukan pendapat.

Mungkin ada segelintir pihak yang gagal menggunakan komunikasi berkesan. Mereka tidak tahu berbincang dengan betul. Tidak berani mencari titik selisih dan tidak bersedia menerima kesalahan sendiri. Ketakutan mengakui kesilapan itu akhirnya membuatkan mereka takut untuk berkomunikasi. Boleh jadi wujud sesuatu sebab yang menghalang untuk bersemuka seperti perbezaan taraf dan pangkat.

Di sini perlunya sikap terbuka dan lapang dada dikalangan semua pihak. Tidak kira majikan atau pekerja bawahan. Tidak kira orang bawahan atau atasan. Sepatutnya dalam proses memperbetulkan keadaan, tidak perlu ada batasan dan halangan. Kerana nabi SAW sendiri tidak pernah merasa takabbur dengan status 'nabi'. Inikan pula kita manusia yang banyak dosa, adakah kita layak merasa 'besar diri' dengan jawatan sementara sehingga tidak boleh bersemuka dengan orang lain?

Sikap tidak mahu bersemuka biasanya berpunca dalam diri manusia yang ego atau sombong. Orang-orang yang tidak suka ditegur atau dinasihati, akan lebih suka untuk mengelak daripada perbincangan hati ke hati. Orang yang merasa dirinya lebih bagus daripada yang lain, akan berpantang untuk bersemuka kerana risau air mukanya akan terconteng. Ini juga adalah sejenis pemikiran sempit dan kebudak-budakan.

Dalam minda seorang egois, mereka akan merasakan teguran itu melemahkan mereka. Mereka akan beranggapan kritikan dan



**Seorang yang berjiwa pemimpin yang mapan, mereka bersikap sebaliknya. Mereka sukakan teguran kerana mereka percaya teguran akan memperkuatkan mereka. Sebarang kritikan dan komentar adalah diibaratkan satu bonus untuk mereka terima dalam proses memajukan diri. Mereka tidak takut bersemuka dan tidak risau untuk berbincang mengenai kelemahan. Kerana dari situ mereka akan memperbaiki diri serta mendapat kekuatan baru. Secara tidak langsung, sikap keterbukaannya akan memberikan satu persepsi positif kepada orang sekeliling.**

komentar adalah sesuatu yang bersifat tajam dan menyakitkan. Akhirnya, seorang egois sukar berubah dan payah untuk maju kerana mereka tidak suka kelemahan dirinya didedahkan. Kesan daripada itu, orang egois tidak suka berbincang dan lebih cenderung menyendiri. Lama-kelamaan, orang yang bersikap egois akan dipandang negatif orang sekeliling. Dalam diam orang akan membenci dan bercakap belakang mengenainya.

Seorang yang berjiwa pemimpin yang mapan, mereka bersikap sebaliknya. Mereka sukakan teguran kerana mereka percaya teguran akan memperkuatkan mereka. Sebarang kritikan dan komentar adalah diibaratkan satu bonus untuk mereka terima dalam proses memajukan diri. Mereka tidak takut bersemuka dan tidak risau untuk berbincang mengenai kelemahan. Kerana dari situ mereka akan memperbaiki diri serta mendapat kekuatan baru. Secara tidak langsung, sikap keterbukaannya akan memberikan satu persepsi positif kepada orang sekeliling. Dalam tidak sedar, orang sekeliling akan lebih menghormatinya dan menyukainya.

Sebagai kesimpulan, teguran dan kritikan zahirnya nampak seperti menyakitkan. Namun, disebaliknya ada ubat yang akan memperkuatkan diri. Sedangkan pujian dan sanjungan zahirnya nampak sungguh mengujakan. Namun, disebaliknya akan menyebabkan diri makin lumpuh. Oleh yang demikian, sikap ego juga adalah suatu racun dalam diri yang akan melumpuhkan kemajuan kompetensi. Ia perlu diubati dengan cara kerap bersemuka atau bertemu mata.

Dalam urusan kerja harian, jadikan sikap bersemuka dalam berbincang dan bertemu mata itu satu budaya. Kerana ia akan menambahkan rasa hormat orang pada diri kita. Malah sikap bersemuka juga boleh merapatkan hati, menghilangkan perselisihan dan menguatkan kesatuan. Buanglah tabiat suka mengadu, cakap belakang dan mengadu domba. Kerana ia akan menambahkan kebencian orang terhadap diri kita. Malah ia juga merugikan dan memecahkan kesatuan kita.

Semoga kita mendapat maksud yang tersurat di sini. Sekian.



# Perjalanan

Oleh Su ... PKINK

36 tahun 11 bulan  
Aku bersamamu Perbadanan  
Bermulalah sejarah di Jalan Dato' Pati  
1hb. Januari 1974  
Kaki ku melangkah di PKINK  
Menjadi Anggota Perbadanan  
Menyambut tetamu jawatan yang disandang  
1hb. Mac 1974 bertugas di Bahagian Fail & Surat  
Menyurat

Jun 1976 beralih ke Jalan Maju  
Perbadanan mengorak langkah  
Kemajuan pembangunan mercu kejayaan  
Ditambahnya pekerja bertambahlah kerja  
Satu demi satu kejayaan diperolehi  
Perbadanan berubah lagi  
Di jalan Maharani Putri berdiri megah  
Oktober 1982

Tangga ku daki lurah ku turuni  
Mencari terus mencari biar pun ada pembantu  
Hati tetap gembira kerana teman-teman menjadi  
penghibur  
Tidak ada rasa dengki atau irihati  
Usik mengusik menjadi lumrah  
Tiada rasa jemu walupun penat

Umur bertambah badan pun keletihan  
Mohon berundur diri dari kesibukan  
Bahagian Kewangan ku tempatkan  
Walaupun di penjara jiwa ku tenang

Bernaung di bawah sembilang general  
Pelbagai corak diwarnakan warnikan  
Perbadanan, tiada ucapan hendak ku luahkan  
Rasa terharu, rasa kesediaan  
Bersama mu teman bertahun-tahun  
Usapan maaf ku menyusuri jari  
Penamatan yang dinanti  
30hb. November ku berundur diri...





# Pasukan Perahu Panjang PKINK

## Timba Pengalaman Berharga

Oleh: Tuan Hissam Tuan Mamat



**KOTA BHARU :** Sempena menyambut sambutan 20 tahun Membangun Bersama Islam, Kerajaan Negeri telah menganjurkan Sukan Air Antarabangsa yang bertempat di Dataran Lembah Sireh pada 28 hingga 30 Oktober lalu.

Pelbagai acara air dipertandingkan selama tiga hari itu berjaya menarik penyertaan daripada Jabatan kerajaan, Jabatan daerah dan lain-lain agensi dan pertubuhan.

Acara pelepasan pertandingan telah disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan Dato' Takiyuddin Hassan.

Turut hadir sama Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu – Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) Dato' Ahmad Mahmood.

**Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) tidak ketinggalan memberi sokongan dalam pertandingan ini dengan menghantar pasukan perahu panjang yang terdiri daripada 16 anggota kumpulan PKINK.**



Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) tidak ketinggalan memberi sokongan dalam pertandingan ini dengan menghantar pasukan perahu panjang yang terdiri daripada 16 anggota kumpulan PKINK. Biarpun kurang latihan dan pengalaman namun program ini telah memberi pengalaman sebenar kepada anggota yang tidak pernah merasai program sebegini sebelum ini. Program ini juga sedikit sebanyak membantu anggota untuk mempelajari sesuatu pembelajaran berkaitan kesihatan, kehidupan dan yang paling penting semangat kerjasama.

PKINK di undi sekumpulan dengan MPKB-BRI dan Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah merah. Pasukan PKINK meraih



tempat terakhir dengan ketinggalan hanya beberapa saat di belakang Pejabat Tanah dan Jajahan Tanah Merah. MPKB-BRI dinobatkan sebagai juara peringkat kumpulan.

Acara penutup Sukan Air Antarabangsa ini telah disempurnakan oleh Tengku Mahkota Kelantan, Tengku Muhammad Faiz Petra. 